

# INFO

BIL. 1/2022 ISSN 0127-1023



## IKMa anjur Pertandingan Pidato Cetus Minat Remaja Kepada Koperasi

### PERSPEKTIF

**Kemeriahan Slot Keusahawanan –  
Inspirasi Koperasi**

**Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi  
Sempena Program Jelajah Aspirasi  
Keluarga Malaysia**

### JARINGAN

**Memperkasakan Jaringan Kerjasama  
Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan  
Koperasi Kolej Vokasional**



100 TAHUN GERAKAN KOPERASI  
MEMBANGUN KELUARGA MALAYSIA



# Dari Meja *Ketua Editor*

*Assalamualaikum dan Salam sejahtera*



Tahun baru menjengah lagi. Setiap kali mata berkelip setiap kali masa berdetik. Setiap hari juga kita melalui pelbagai peristiwa yang mana ia memberikan maknanya tersendiri. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas izin-Nya, Majalah INFO bagi edisi pertama 2022 berjaya diterbitkan. Setinggi-tinggi penghargaan saya garapkan buat *team* editorial yang bertungkus-lumus menjayakan penerbitan majalah berbentuk informasi ini.

Keluaran kali ini agak istimewa kerana setelah dua tahun Institut Koperasi Malaysia (IKMa) tidak dapat menganjurkan program melalui pendekatan secara bersemuka dengan jumlah kapasiti yang besar bersama koperator dan usahawan, namun pada tahun 2022 ia dapat direalisasikan semula berikutan peralihan fasa pandemik ke endemik. IKMa sekali gus telah menyusun dan menjalankan pelbagai program-program yang menarik dan berfokus seiring dengan sambutan 100 tahun gerakan koperasi di Malaysia dan Bulan Koperasi Kebangsaan yang dilancarkan pada bulan Julai 2022 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Menelusuri 100 tahun gerakan koperasi bertapak di Malaysia, IKMa sebagai satu-satunya pusat rujukan informasi koperasi yang unggul turut diberi mandat oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk merangka dan menerbitkan naskhah khas sempena 100 tahun gerakan koperasi di Malaysia iaitu buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia yang

menyentuh evolusi perkembangan koperasi di Malaysia bermula 1922 hingga 2022.

Sehubungan dengan itu, IKMa berharap melalui program-program yang dijalankan sempena 100 tahun gerakan koperasi di Malaysia pada tahun ini dapat memberikan impak yang positif sekali gus dapat menjadikan koperasi lebih maju dan berdaya saing setanding koperasi-koperasi di luar negara.

Melalui penerbitan Majalah INFO kali ini, beberapa rencana menarik dihidangkan bagi menyorot kembali program yang telah dijalankan oleh IKMa sepanjang Januari hingga Jun 2022. Segmen Eksklusif kali ini pula berlatar belakangkan penganjuran Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan 2022 pada 6 - 7 Julai 2022 bertemakan "Koperasi Sekolah sebagai Pemangkin Pemimpin Generasi Muda Koperasi". Selain itu, pembaca turut disajikan dengan Majlis Konvokesyen ke-24 Institut Koperasi Malaysia - Kolej iCOOP yang telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Beberapa rencana lain yang menarik turut diselitkan dalam majalah INFO kali ini iaitu Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) yang telah diadakan di beberapa lokasi oleh zon-zon IKMa khusus untuk memperkenalkan seterusnya mendedahkan masyarakat terhadap manfaat berkoperasi dan program yang ditawarkan oleh IKMa.

Akhir kalam, semoga para pembaca mendapat percambahan ilmu menerusi pembacaan dalam Majalah INFO kali ini.

Sekian.

*Hamidah Mohd Jos*

---

## Sidang Editor

### **Penasihat**

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

### **Ketua Editor**

Puan Hamidah Mohd Jos

### **Editor**

Puan Nor Aslamiah Ali

Puan Nur Syazwani Zainul Abidin

Puan Wan Nur'Ain Wan Abd Rahim

Encik Mohamad Suandi Mortadza

Encik Hafizal Abu Bakar

Puan Norawati Ngatmin

Puan Norafidah Ismail

Encik Mohamad Haniff Mohamad Hashim

Puan Norul Hayatie Hashim

Puan Julizah Sabstu

Puan Nazirah Baharudin

Puan Maryam Hamidah Mohd Ghazi

Puan Nuur Fadzillah Zulkepli

Puan Zaharatul Laili Zakaria

### **Urus setia**

Puan Sharepah Nur Azirah Shareh

Abd Rahman

### **Reka Bentuk dan Cetakan**

Reka Cetak Sdn. Bhd.

[www.rekacetak.com](http://www.rekacetak.com)

# Kandungan

## Eksklusif

- 4 IKMa anjur Pertandingan Pidato Cetus Minat Remaja kepada Koperasi
- 7 Majlis Pelancaran Perpustakaan IKMa
- 8 Majlis Konvokesyen ke-24 Institut Koperasi Malaysia-Kolej iCoop

## Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (Maskop) 2022

- 11 Zon Sabah
- 14 Zon Sarawak
- 16 Zon Selatan
- 18 Zon Utara

## Fokus

- 20 Seminar Hybrid Reset Bisnes Koperasi

## Perspektif

- 21 Bengkel Pelan Strategik KOPSA
- 22 Bengkel Pelan Strategik KOSBAK "Projek Sewaan Bilik"
- 23 Kursus Koperasi Siri 1: Kefahaman Berkoperasi (Khas Koperasi Kariah Masjid)
- 24 Persidangan Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan 2022
- 26 Sesi Taklimat Program Sijil Eksekutif
- 27 "Menelusuri COVID-19 dari Pandemik ke Endemik: Hikmah di Sebalik Cabaran"
- 30 Taklimat Program Perundingan dalam Program *Cooperative Advisory Desk (CAD) Bank Rakyat*
- 31 Fitnah Mengundang Perpecahan
- 33 Kursus Kreativiti dan Inovasi Perniagaan
- 35 Kemeriahan Slot Keusahawanan - Inspirasi Koperasi: Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi Sempena Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia



- 37 "Hijrah Membina Keutuhan Jati Diri"
- 39 Bicara Ilmu 'Berkoperasi dari Hati' dan Majlis Berbuka Puasa
- 42 Pertukaran daripada Pinjaman Konvensional kepada Pembiayaan Patuh Syariah
- 43 Program Pemantapan Tadbir Urus Koperasi

## Jaringan

- 44 Memperkasakan Jaringan Kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan Koperasi Kolej Vokasional
- 46 Kunjungan Ketua Pengarah IKMa ke Koperasi Koperkasa Sarawak Bhd
- 47 Lawatan Timbalan Ketua Pengarah IKMa ke Koperasi Harapan Perdana Kelantan Berhad
- 48 Lawatan Kerja IKMa ke Koperasi MiRiCle di Sabah
- 49 Meningkatkan Sosioekonomi Golongan 'Masih Ada yang Sayang'
- 51 Lawatan ke Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor dan Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad
- 53 Lawatan ke Koperasi IMuara Muar Berhad dan Koperasi Komuniti Bukit Katil Melaka Berhad
- 55 Program MiRiCle bersama Koperasi Desa Cinta KoBuni Inanam Berhad dan Taklimat Program *Cooperative Digital Empowerment C.O.D.Ee-Tourism*
- 57 Program Pensijilan (Graduan ke Koperasi) Kerjasama IKMa dan Universiti Putra Malaysia

## Galeri



# IKMa anjur Pertandingan Pidato Cetus Minat Remaja kepada Koperasi

Norina Asyikin Shaari  
norina@ikma.edu.my  
Unit Komunikasi Korporat



Para tetamu yang turut hadir memberi sokongan kepada peserta.

**B**uat julung kalinya, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menganjurkan Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan 2022 pada 6 – 7 Julai 2022 dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Hj. Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersempena dengan Sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi bertempat di Auditorium Dato' Abdul Majid, Petaling Jaya.



Barisan peserta yang mara ke peringkat akhir pertandingan.



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar bergambar bersama para pemenang Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan 2022.



Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

**Seramai 118 orang peserta dari pelbagai sekolah seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan ini dengan membawa tema “Koperasi Sekolah sebagai Pemangkin Pemimpin Generasi Muda Koperasi”.**

Seramai 118 orang peserta dari pelbagai sekolah seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan ini dengan membawa tema “Koperasi Sekolah sebagai Pemangkin Pemimpin Generasi Muda Koperasi”.

Hadiah utama telah berjaya dimenangi oleh Erika Maisara binti Roslan dari sekolah MRSM Parit, Perak yang memberikan persembahan pidato terbaik. Johan meraih hadiah wang tunai berjumlah RM10,000 berserta sijil penyertaan dan trofi. Bagi naib johan pula oleh Izzah Athirah binti Mohd Idris dari SAM Bestari, Subang Jaya dan tempat ketiga oleh Umashanchita a/p P.P.Chandran di mana masing-masing membawa pulang wang tunai RM7,000 dan RM5,000, sijil penyertaan dan trofi.

Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan ini merupakan salah satu usaha Institut Koperasi Malaysia untuk mempromosikan sambutan



Erika Maisara Roslan dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Parit, Perak dinobatkan sebagai juara sekali gus berjaya membawa pulang wang tunai RM10,000, trofi dan sijil.



100 tahun Gerakan Koperasi di Malaysia yang mana secara tidak langsung menjadi idea positif kepada pembangunan koperasi di negara kita.

Pelaksanaan program ini bertujuan memupuk minat semangat berkoperasi dalam kalangan pelajar sekolah sekali gus menetengahkan bakat generasi muda sebagai pelapis pembangunan negara melalui pembinaan keyakinan dan keterampilan diri serta memperluas pengetahuan generasi muda khususnya dalam bidang koperasi.

Inisiatif penganjuran pertandingan pidato koperasi ini bukan sahaja manifestasi komitmen kerajaan untuk mempromosi koperasi semata-mata malah juga untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia. Pentas berprestij ini berupaya menjentik hati dan minda khalayak global tentang pentingnya berkoperasi yang juga saling berkait rapat dengan sektor keusahawanan.

Diharapkan penganjuran pertandingan ini dapat dijadikan landasan oleh semua peserta untuk berkongsi idea yang kritis dalam memperkasakan bidang koperasi khususnya kepada anak-anak muda generasi hari ini.



## Majlis Pelancaran Perpustakaan IKMa

**Nuur-Fadzillah Zulkepli**  
fadzillah@ikma.edu.my  
Unit Komunikasi Korporat

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Perpustakaan Tan Sri Noh Haji Omar pada 26 Mei 2022 yang lalu. Majlis telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Perpustakaan ini telah ditubuhkan selari dengan visi penubuhan IKMa itu sendiri iaitu memperkasa modal insan koperasi ke arah kecemerlangan. Perpustakaan Tan Sri Noh Omar ditubuhkan bagi menyokong keperluan latihan dan kursus yang dijalankan IKMa. Ia dikendalikan oleh kakitangan yang profesional dan mempunyai lebih 30 ribu koleksi bahan penerbitan seperti buku, jurnal, majalah, buletin dan laporan tahunan serta bahan penyelidikan berkaitan koperasi.

Pemilihan nama Tan Sri Noh Omar ini adalah bagi menghargai jasa pemimpin yang telah banyak berjasa dalam bidang koperasi dan juga pernah menjawat jawatan sebagai menteri koperasi sebanyak dua kali iaitu sekitar tahun 2008 dan tahun 2021. Matlamat utama Perpustakaan Tan Sri Noh Omar ini adalah sebagai pusat ilmiah dan penyebaran maklumat mengenai bidang koperasi yang utama di Malaysia selain mengekalkan kelestarian serta kerelevanan perpustakaan yang selama ini banyak membantu dalam menyokong visi dan misi IKMa dan gerakan koperasi di Malaysia secara keseluruhannya.

Dalam majlis yang sama turut diadakan sesi penyerahan surat kelulusan penubuhan Universiti

Keusahawanan Malaysia oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar kepada Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan. Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) merupakan universiti yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang diterajui Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melalui UKKM Education Sdn. Bhd. Universiti ini menawarkan 15 program yang memberi pengkhususan kepada keusahawanan koperasi dan bidang pengajian yang mengikut kehendak industri bagi mendukung Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) dan Pelan Transformasi Koperasi (TransKoM).



Encik Mohd Yuzazmeer bin Yusni telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Graduan Terbaik.

# Majlis Konvokesyen ke-24 Institut Koperasi Malaysia-Kolej iCOOP

**Nuur-Fadzillah Zullkepli**  
fadzillah@ikma.edu.my  
Unit Komunikasi Korporat

Perasmian dan Pengisytiharan Majlis Konvokesyen Institut Koperasi Malaysia – Kolej iCOOP kali ke-24 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada 10 Februari 2022 yang lalu. Majlis yang diadakan di Auditorium Dato' Abdul Majid, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya tersebut dihadiri oleh lebih kurang 450 orang jemputan yang terdiri daripada tetamu kehormat,

para pegawai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, agensi, kakitangan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Kolej iCOOP, ibu bapa serta 151 orang graduan.

Kolej iCOOP merupakan institusi pengajian tinggi swasta milik penuh IKMa, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan dan Koperasi (KUSKOP) yang telah beroperasi sebagai IPTS sejak Julai 2015. Kolej ini menawarkan program peringkat diploma dalam

jurusan Diploma Pengurusan Koperasi, Diploma Keusahawanan Koperasi, Diploma Perakaunan dan Diploma Pengurusan Pentadbiran untuk lepasan SPM dan juga bagi yang sedang bekerja.

Konvokesyen kali Ke-24 ini menyaksikan seramai 112 graduan Diploma Pengurusan Koperasi, 30 graduan Diploma Keusahawanan Koperasi, 5 graduan Diploma Perakaunan dan 4 graduan Diploma Pengurusan Pentadbiran dianugerahkan diploma masing-



masing. Mereka merupakan pelajar-pelajar iCOOP bagi sesi pengajian 2016 sehingga 2019 yang mana majlis penganugerahan diploma mereka tertangguh akibat ekoran pandemik COVID-19.

Dalam Majlis Konvokesyen kali ini, Encik Mohd Yuzazmeer bin Yusni telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Graduan Terbaik kerana berjaya menamatkan pengajian dengan keputusan PNGK 3.72 serta penglibatan aktif dalam kokurikulum. Seramai 30 graduan yang mendapat PNGK 3.50 ke atas menerima Anugerah Graduan Cemerlang, manakala 46 orang lagi graduan adalah penerima Biasiswa Pendidikan Institut Koperasi Malaysia, Biasiswa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Yayasan Cerdik, Tajaan Angkasa dan Tajaan Bank Rakyat dengan jumlah sebanyak RM566,555.00

Majlis Konvokesyen ini turut menyaksikan penganugerahan bersejarah bagi sepasang ibu

dan anak, iaitu Puan Noriah binti Mohamed, kakitangan ANGKASA yang juga penerima tajaan ANGKASA dan anak beliau, Encik Emir Izz bin Mohd Zain. Kedua-dua graduan ini adalah daripada jurusan yang sama iaitu Diploma Pengurusan Koperasi telah menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Haji Omar melalui ucapannya turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka dalam bidang masing-masing. Beliau juga menzahirkan penghargaan kepada IKMa yang sepanjang 65 tahun kewujudannya, telah berjaya menyempurnakan amanah untuk memberi peluang pendidikan kepada generasi belia khusus dalam bidang pengurusan koperasi di mana sehingga kini, IKMa telah berjaya melahirkan seramai 1,365 orang graduan. Amat membanggakan apabila hasil kajian menunjukkan lebih 80 peratus graduan Kolej iCOOP

mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian dan ini merupakan jumlah yang memberangsangkan. Beliau juga maklum bahawa kebolehpasaran graduan Kolej iCOOP mencapai sehingga 84 peratus.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Yang Berhormat Tuan Muslimin bin Mohamad, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, Pendaftar kolej iCOOP YBrS. Puan Nurul Najwa binti Jatarona dan wakil-wakil Gerakan koperasi serta ahli-ahli senat.

Secara keseluruhannya, majlis konvokesyen pada kali ini berjalan dengan lancar dalam norma baharu di mana hanya tetamu yang telah lengkap dua dos vaksin dan tidak bergejala sahaja dibenarkan hadir.

Tahniah diucapkan kepada para graduan Majlis Konvokesyen Institut Koperasi Malaysia (IKMa) – Kolej iCOOP kali ke-24. Tahniah Kolej iCOOP dan IKMa.



## Apa Kata Pemimpin



Saya penuh yakin pengurniaan diploma ini menjadi kebanggaan, kebolehpasaran graduan juga perlu diambil kira kerana ia memberi peluang kepada graduan untuk bekerja. Justeru, Institut Koperasi Malaysia menerusi Kolej iCOOP sentiasa menaik taraf program dan kurikulum yang dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan graduan yang dilahirkan mampu memasuki pasaran kerja dengan penuh keilmuan dan mendapat pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian

**YB TAN SRI NOOH BIN HAJI OMAR**

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KusKop)

SYABAS kepada semua graduan IKMa-Kolej iCOOP yang bertungkus lumus sepanjang lebih dua tahun bagi memastikan menggendang segulung diploma pada hari ini. Pengorbanan yang telah para graduan lakukan telah membuahkan hasil, diharapkan segala ilmu yang dipelajari mampu memberikan nilai tambah dan persediaan kepada para graduan dalam menempoh alam pekerjaan.

“Berjalan sampai ke batas, belajar sampai ke pulau. Kalau pandai meniti buih, selamat badan sampai ke seberang”

**YBHG. DATUK WIRA (DR.) ROSLI BIN MAT HASSAN**

Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia




Sebagai graduan dan alumni Kolej iCOOP yang akan menjadi duta kepada gerakan koperasi, saya mengharapkan agar Alumni Kolej iCOOP dapat menjadi perintis utama dalam memajukan gerakan koperasi ke arah yang lebih berdaya saing dengan membudayakan aplikasi IR4.0 relevan dengan keperluan masa kini agar hasrat untuk melahirkan lebih ramai pelapis profesional dalam sektor ini tercapai.

Tahniah dan Selamat Maju Jaya semua graduan dan selamat Menempuh Kehidupan Seterusnya.

**YBHG. DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**

Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia





# Zon Sabah

**Norawati Ngatmin**  
norawati@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Puan Norbiha binti Kasmuri,  
Pengarah IKMa Zon Sabah merasmikan  
program MasKop.



Perkongsian pengalaman oleh Puan  
Inonsiha binti Uhou, Pengerusi Koperasi  
Wanita Dinazang Inovatif Kudat Berhad.



Booth pameran oleh ANGKASA.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah menganjurkan Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) secara bersejajar. Program ini telah dijalankan secara *road show* di lima lokasi terpilih seluruh Sabah pada bulan Januari hingga Mac 2022. Sasaran peserta bagi program ini terdiri daripada koperator, usahawan dan individu berminat.

Objektif utama program ini untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap koperasi, mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi kepada masyarakat dan menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh KUSKOP, IKMa dan agensi kepada gerakan koperasi dan orang awam. Selain itu, selaras dengan visi Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Koperasi iaitu Memperkasa Modal Insan Koperasi ke Arah Kecemerlangan, program ini telah menjemput pengerusi koperasi terpilih untuk berkongsi kisah kejayaan koperasi mereka. Pameran dari agensi dan gerai jualan juga turut diadakan.

Lokasi pertama bagi Program MasKop Zon Sabah telah diadakan di Kudat Golf & Marina Resort, Kudat pada 20 Januari 2022 yang telah melibatkan penyertaan seramai 104 orang peserta. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Promosi



Encik Azmaniansyah bin Bachok,  
Ketua Wilayah SKM WP Labuan.



Pengerusi ANGKASA Negeri Sabah,  
Dr. Zhamree Gulamrasul.



Majlis perasmian program MasKop WP  
Labuan oleh Encik Jaibit bin Jaudin,  
Timbalan Pengarah IKMa Zon Sabah.

## PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH MEMASYARAKATKAN KOPERASI (MasKop) 2022



Taklimat program MasKop IKMa Zon Sabah disampaikan oleh Encik Mohammad Pisah bin Ali, Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Sabah.



Sesi ceramah oleh Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi, SKM Wilayah Sandakan, Encik Juhari Lagumba.

Program 2022 IKMa Zon Sabah yang disampaikan oleh Encik Jaibit bin Jaudin, Timbalan Pengarah IKMa Zon Sabah. Program diteruskan dengan sesi ceramah bertajuk Peranan dan Inisiatif dalam Memasyarakatkan Koperasi yang disampaikan daripada Ketua Wilayah SKM Kudat iaitu Encik Ahmaddian bin Abdul Kasim dan Pengerusi ANGKASA Negeri Sabah iaitu Dr. Zhamree Gulamrasul. Seterusnya program perkongsian pengalaman daripada Puan Inonsiha binti Uhou, Pengerusi Koperasi Wanita Dinazang Inovatif Kudat Berhad. Majlis perasmian program Maskop Wilayah Kudat oleh Puan Norbiha bt Kasmuri, Pengarah IKMa Zon Sabah.

Lokasi kedua bagi Program MasKop Zon Sabah telah diadakan di Hotel Aifa, Wilayah Persekutuan Labuan, pada 27 Januari 2022 yang telah melibatkan penyertaan seramai 102 orang peserta. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Promosi Program 2022 IKMa Zon Sabah yang disampaikan oleh Encik Yusri bin Tarip, Pegawai Latihan Kanan, IKMa Zon Sabah. Program diteruskan dengan sesi ceramah bertajuk Peranan dan Inisiatif dalam Memasyarakatkan Koperasi yang disampaikan daripada Encik Azmaniansyah bin Bachok, Ketua Wilayah SKM W.P. Labuan dan Pengerusi ANGKASA Negeri Sabah Dr. Zhamree Gulamrasul. Program

perkongsian pengalaman Koperasi daripada En. Magnoleo Masjunah, Pengerusi, Koperasi Madani Luhur Berhad. Majlis perasmian program MasKop W.P. Labuan oleh Encik Jaibit bin Jaudin, Timbalan Pengarah IKMa Zon Sabah.

Lokasi ketiga bagi Program MasKop Zon Sabah telah diadakan di Hotel Elopura Sandakan, pada 10 Februari 2022 yang telah melibatkan penyertaan seramai 100 orang peserta. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Promosi Program MasKop IKMa Zon Sabah yang disampaikan oleh Encik Mohammad Pisah bin Ali, Pegawai Latihan Kanan, IKMa Zon Sabah. Program diteruskan dengan



Bergambar bersama peserta Tawau.

## PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH MEMASYARAKATKAN KOPERASI (MasKop) 2022



Bergambar bersama peserta MasKop.

sesi ceramah bertajuk Peranan dan Inisiatif dalam memasyarakatkan Koperasi yang disampaikan daripada Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi, SKM Wilayah Sandakan iaitu Encik Juhari Lagumba. Seterusnya program perkongsian pengalaman koperasi daripada En. Abdul Sanih bin Nasir, Pengerusi Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad. Perasmian program MasKop Wilayah Sandakan oleh Puan Norbiha bt Kasmuri, Pengarah IKMa Zon Sabah.

Lokasi keempat bagi Program MasKop Zon Sabah telah diadakan di Hotel Emas Tawau, pada 15 Februari 2022 yang telah melibatkan penyertaan seramai 70 orang peserta. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Promosi Program 2022 IKMa Zon Sabah yang disampaikan oleh Puan Norbiha binti Kasmuri, Pengarah IKMa Zon Sabah. Program diteruskan dengan sesi ceramah bertajuk Peranan dan Inisiatif dalam Memasyarakatkan Koperasi yang disampaikan daripada Ketua Wilayah SKM Tawau, iaitu Puan Khodijah binti Sunardi dan Pengerusi ANGKASA Negeri Sabah Dr. Zhamree Gulamrasul. Seterusnya program

perkongsian pengalaman koperasi daripada Tuan Haji Mohd. Nasir bin Haji Abu Bakar, Pengerusi Koperasi Usahawan Balimbang Semporna Berhad. Perasmian Program MasKop Wilayah Tawau oleh Encik Mohd. Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa.

Lokasi terakhir bagi Program MasKop Zon Sabah telah diadakan di Hotel Promenade Kota Kinabalu, pada 17 Mac 2022 yang telah melibatkan penyertaan seramai 100 orang peserta. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Promosi Program 2022 IKMa Zon Sabah yang disampaikan oleh Encik Jaibit bin Jaudin, Timbalan Pengarah IKMa Zon Sabah dan sesi taklimat Program Digitalisasi Koperasi (C.O.D.E) disampaikan oleh Encik Faiz bin Ahmad Yatim Pegawai Latihan Kanan Pusat Teknologi Maklumat IKMa. Program diteruskan dengan sesi ceramah bertajuk Peranan dan Inisiatif dalam Memasyarakatkan Koperasi yang disampaikan daripada Puan Anasty Majun, Penolong Pengarah, Pembangunan Koperasi SKM Negeri Sabah dan Pengerusi

ANGKASA Negeri Sabah Dr. Zhamree Gulamrasul. Seterusnya program perkongsian pengalaman daripada Encik Razlan bin Ali Asin, Pengerusi Koperasi Belia Lumadan Berhad. Majlis perasmian MasKop Kota Kinabalu oleh Puan Norbiha binti Kasmuri, Pengarah IKMa Zon Sabah.

Program yang dijalankan di lima lokasi ini telah mendapat maklum balas positif bukan sahaja daripada koperasi malah para usahawan. Program MasKop adalah untuk meuar-uarkan kepada koperator dan usahawan tentang peluang pendidikan dan latihan, perniagaan serta maklumat mengenai bantuan dan sokongan yang disediakan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam menyokong dan menjayakan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Koperasi 2022-2025. Sebagai rumusan, program MasKop yang dianjurkan telah membuka minda dan memberikan motivasi dan semangat kepada para peserta untuk meluaskan jaringan perniagaan mereka sekali gus memacu kecemerlangan gerakan koperasi Malaysia.

## Zon Sarawak

**Syarifah Rohaya Wan Idris**  
syarifah@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Bersempena dengan program Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi atau MASKOP bagi tahun 2022, IKMa Zon Sarawak pada tahun ini telah berkampung di bandar Sri Aman selama 2 hari. Memulakan perjalanan selama lebih kurang tiga jam dari bandar Kuching pada 24 Januari yang lepas, program dimulakan dengan mengadakan lawatan muhibah ke Koperasi Opah Sri Aman Berhad. Rombongan seramai tujuh orang yang diketuai oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dan Puan Siti Maimunah bt Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak, telah disambut mesra oleh barisan Lembaga Koperasi. Hasil perjumpaan tersebut, beberapa aktiviti latihan dan pendidikan telah dirancang untuk pembangunan perniagaan koperasi ini yang kebetulannya mempunyai perancangan membuka pusat sehenti koperasi di bandar Sri Aman. Lawatan juga diteruskan ke Koperasi Kariah Masjid Sri Aman Berhad untuk meninjau projek tanaman fertigasi dan hidroponik serta kedai *Hardware* yang diusahakan oleh koperasi ini.

Pada hari berikutnya, program diteruskan dengan penganjuran Bicara Ilmu yang berlangsung di Hotel Seri Simanggang, Sri Aman. Bicara Ilmu yang bertajuk Peluang Niaga Pelancongan Luar Bandar Berasaskan Komuniti ini dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah IKMa dan dihadiri seramai 144 orang peserta daripada kalangan barisan Lembaga, kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di bahagian Sri Aman dan kawasan-kawasan sekitarnya. Turut hadir juga ialah kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri yang berpejabat di kawasan Sri Aman dan usahawan-

usahawan serta masyarakat setempat. Program ini dilaksanakan menerusi kerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Sri Aman dan Saratok. Pembentangan tajuk bagi program Bicara Ilmu ini telah disampaikan oleh Cik Dayang Mordiana bt Abang Ahmat yang merupakan pegawai daripada Perbadanan Kraf tangan Malaysia Cawangan Sarawak. Sesuai dengan peranan jabatan beliau serta tajuk yang dibentangkan, penceritaan beliau lebih menjurus kepada aktiviti kraf tangan yang boleh dimajukan oleh komuniti di sekitar Sri Aman yang menjalankan aktiviti pelancongan homestay dan inap desa sebagai



Ucapan Perasmian oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah IKMa.

## PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH MEMASYARAKATKAN KOPERASI (MasKop) 2022

salah satu aktiviti di dalam pakej pelancongan mereka. Ini kerana kebanyakan masyarakat Sri Aman mempunyai bakat semula jadi dalam membuat pelbagai bentuk kraf tangan daripada sumber semula jadi yang banyak terdapat di kawasan tersebut. Beliau turut memberi taklimat berkaitan peranan Perbadanan Kraf tangan Malaysia dalam melestarikan produk pelancongan kraf tangan menerusi program-program yang dijalankan sepanjang tahun.

Program selama setengah hari ini dimulakan dengan majlis perasmian yang telah disempurnakan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah IKMa. Penyampaian amanat beliau menumpu kepada inisiatif IKMa dalam pemerkasaan produk pelancongan dalam gerakan koperasi, termasuklah pelancongan berasaskan komuniti yang kebiasaannya dikaitkan dengan aktiviti homestay atau inap desa melalui program-program khas yang dianjurkan oleh IKMa seluruh Malaysia. Majlis perasmian turut dihadiri oleh ketua-ketua agensi di bawah KUSKOP. Usai upacara perasmian, program pada pagi itu diteruskan dengan sesi taklimat program pembangunan modal insan koperasi oleh Encik Hamizah bin Mohd Nadzir, Timbalan Pengarah IKMa Zon Sarawak. Pelbagai bentuk dan pendekatan bersesuaian di dalam setiap program yang ditawarkan sepanjang tahun dikongsikan dalam sesi taklimat ini.

Program MASKOP yang diadakan saban tahun ini bertujuan bagi memperkenalkan program latihan



Para peserta bergambar kenangan bersama-sama dengan Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus.

dan pendidikan yang dianjurkan oleh IKMa secara keseluruhannya dan IKMa Zon Sarawak khususnya di samping memperkenalkan peranan agensi kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Bersesuaian dengan tema yang dibawa menerusi Bicara Ilmu dalam program ini, pembentangan berkenaan aktiviti pelancongan yang berasaskan komuniti juga turut diselitkan.

Program diteruskan dengan taklimat berkenaan bantuan pembangunan koperasi daripada SKM Cawangan Sri Aman yang diwakili oleh Penolong Pengarahnya, Encik Noor Azahar bin Abdul Kadir. Beliau berkongsi beberapa inisiatif pembangunan perniagaan koperasi di pihak SKM terutamanya dalam bentuk bantuan kewangan sama ada melalui geran dan pinjaman Tabung Modal Pusingan. Bantuan-bantuan yang diberikan ini adalah bertujuan untuk menggiat dan meningkatkan penglibatan koperasi dalam aktiviti perniagaan yang berpotensi dan berdaya maju bagi meningkatkan

pendapatan koperasi. Antara geran yang ditawarkan adalah kategori *Start-Up* (had sehingga RM50 ribu), *Scale-Up* (had sehingga RM150 ribu) dan *Advance* (RM300 ribu).

Secara keseluruhannya, program Bicara Ilmu pada kali ini dilihat berjaya mencapai objektif penganjurannya. Semoga program seumpama ini dapat diteruskan dana menjadi satu wahana yang berkesan dalam melahirkan koperator dan usahawan yang berjaya dalam bidang yang diceburi masing-masing sekali gus dapat meningkatkan sumbangan gerakan koperasi dalam pembangunan ekonomi negara.



Lawatan muhibah ke Koperasi Opah Sri Aman Berhad.

# Zon Selatan

**Adila Hashim**

adila@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Gambar kenangan YBhg. Encik Amin bin Mohd Shukor, Ahli Lembaga IKMa bersama warga kerja IKMa Zon Selatan di program MasKop Johor Bahru.

**P**rogram Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) bagi tahun 2022 di negeri Johor dan Melaka telah diadakan pada sekitar Januari dan Februari yang lalu. Objektif program ini diadakan untuk memberi penerangan berkaitan program-program latihan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sepanjang tahun 2022. Koperasi juga diberi kefahaman berkaitan hala tuju IKMa ke arah kecemerlangan modal insan dan keusahawanan koperasi. Selain

itu, hubungan jaringn antara koperasi dan koperator juga dapat dijalinan.

Jumlah penyertaan peserta yang menyertai program ini adalah seramai 616 orang. Sambutan yang menggalakkan diterima daripada koperator yang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) Koperasi, anggota dan warga kerja koperasi dari sekitar kawasan Johor dan Melaka (Rujuk Jadual 1). Selain itu, agensi lain yang turut



## PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH MEMASYARAKATKAN KOPERASI (MasKop) 2022

**Jadual 1:** Lokasi bagi Program MasKop Anjuran IKMa Zon Selatan

| Tarikh     | Tempat                                  | Jumlah Peserta |
|------------|---|----------------|
| 24/01/2022 | Hotel DoubleTree by Hilton, Johor Bahru | 173            |
| 09/02/2022 | Hotel Muar Traders, Muar                | 115            |
| 28/02/2022 | Hotel DoubleTree By Hilton, Melaka      | 161            |
| 15/03/2022 | Dewan Serbaguna LHDN, Kluang            | 100            |
| 16/03/2022 | Hotel Katerina, Batu Pahat              | 67             |

terlibat di dalam program MasKop ini terdiri daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ANGKASA.

Sejajar dengan faktor persekitaran semasa pandemik COVID-19, program ini telah dilaksanakan secara bersemuka dengan mematuhi *Standard Operating Prosedur (SOP)* yang ditetapkan. IKMa Zon Selatan turut membantu pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai langkah untuk mengekang penularan wabak ini.

Pengisian program ini turut berkongsi maklumat berkenaan peranan agensi seperti SKM dan ANGKASA ke arah memasyarakatkan

koperasi. Terdapat beberapa program yang lain disusun buat para koperator sepanjang tahun 2022 yang bakal dianjurkan oleh agensi ini. Sepanjang program ini berlangsung terdapat juga pempamer dari IKMa, SKM, ANGKASA dan Maxis untuk memberi keterangan dan maklumat lanjut berkenaan tawaran atau peluang yang boleh dimanfaatkan oleh koperator yang hadir.

Program MasKop ini juga telah menjemput kehadiran Ahli Lembaga IKMa sebagai perasmian dan kehadiran mereka dapat menyerikan lagi upacara majlis perasmian di beberapa lokasi seperti di Johor Bahru majlis dirasmikan oleh YBhg. Encik Amin

bin Mohd Shukor, manakala program di Muar dirasmikan oleh YBhg. Encik Bastien bin Onn dan program di Melaka majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd Imran bin Tamrin.

Penghargaan terima kasih diberi kepada pegawai SKM wilayah dan SKM negeri serta pegawai dari ANGKASA di atas usaha dan kerjasama dalam bersama-sama menjayakan program MasKop bagi tahun 2022. Semoga dengan berkat usaha sama ini, IKMa Zon Selatan berjaya menyalurkan maklumat dengan berkesan dan dapat mencapai sasaran bilangan peserta yang bakal hadir ke program-program latihan IKMa nanti.

Ucapan perasmian daripada YBhg. Encik Bastien bin Onn di program MasKop Muar.



Gambar kenangan YB Dato' Mohd Imran bin Tamrin, Ahli Lembaga IKMa bersama peserta MasKop Melaka.

# Zon Utara

**Nasuha Nezuakiffi**  
nasuha@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Sesi bergambar peserta yang hadir bersama Pn.Najmah binti Nawawi, Pengarah Kanan Bahagian Koperasi dan Pengurusan, Institut Koperasi Malaysia (IKMa).



Wakil anggota koperasi dan koperasi serta wakil dari Pusat Zakat Negeri Perlis yang terpilih untuk menerima sumbangan dari IKMa Zon Utara.



Penyerahan Kotak Makanan kepada Wakil Anggota Koperasi oleh Pn. Najmah binti Nawawi bersama Dr.Zurita binti Mohd Saleh.

Pelaksanaan Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) 2022 Institut Koperasi Malaysia (IKMa) merupakan satu aktiviti tahunan bagi menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada gerakan koperasi dan orang awam. Program yang julung kali diadakan ini merupakan program bersasar dan berfokus yang telah dijalankan di setiap zon dan kemuncaknya di IKMa Ibu Pejabat.

Bagi pihak IKMa Zon Utara, sebanyak lima lokasi di empat buah negeri telah dikenal pasti bagi melaksanakan program tersebut iaitu di Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah. Justeru,

pemilihan tarikh pada 10 Februari 2022 sebagai lokasi ketiga, IKMa Zon Utara telah menganjurkan program MasKop bersekali dengan program sumbangan Khidmat Masyarakat bertempat di Hotel Seri Malaysia Kangar, Perlis. Program ini telah mendapat sambutan baik dari para koperator dengan kehadiran seramai 104 orang dari 46 buah koperasi.

Bertemakan "Prihatin Terhadap Komuniti Koperasi", objektif program sumbangan Khidmat Masyarakat ini juga adalah untuk menjalin hubungan baik IKMa bersama komuniti luar di samping mempromosikan identiti, tugas dan fungsi IKMa dalam gerakan

## PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH MEMASYARAKATKAN KOPERASI (MasKop) 2022

koperasi khususnya di peringkat zon utara serta meningkatkan keyakinan dan jati diri warga IKMa dalam membentuk pembangunan insaniah, sikap penyayang dalam diri serta mewujudkan rasa simpati dengan masyarakat luar yang kurang bernasib baik. Malah kerjasama dengan pihak-pihak terlibat seperti SKM Cawangan Negeri Perlis, Pejabat Zakat dan koperasi terlibat dalam memastikan kelancaran program ini juga jelas menunjukkan kekuatan ukhuwah dan toleransi dalam usaha untuk merealisasikan program ini agar objektif berjaya dicapai serta para penerima manfaat memperoleh sumbangan yang wajar dengan keperluan semasa.

Merujuk kepada perjalanan program, majlis telah dimulakan dengan taklimat oleh Dr. Zurita binti Mohd Saleh selaku Pengarah IKMa Zon Utara berkaitan program Pembangunan Modal Insan Koperasi 2022 yang dianjurkan oleh IKMa umumnya serta IKMa Zon Utara khususnya.

Dalam sesi ini juga pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Perlis telah dijemput untuk memberikan taklimat bertajuk “Peranan SKM dalam mendukung Agenda Transkom” yang disampaikan oleh pengarah SKM Cawangan Negeri Perlis sendiri iaitu Yang Berbahagia Encik Akram bin Hasan. Turut melengkapkan sesi taklimat, pihak IKMa Zon Utara turut mengundang wakil dari ANGKASA Negeri Perlis iaitu Encik Airul Azahar bin Abdullah, Pengurus ANGKASA Negeri Perlis dengan penerangan beliau bertajuk “Peranan ANGKASA dalam Melonjakkan Ekonomi Koperasi”.

Majlis diteruskan dengan ucapan perasmian oleh Puan Najmah binti Nawawi, Pengarah Kanan Pengarah Kanan Bahagian Koperasi dan Pengurusan, Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Acara kemuncak majlis adalah sesi penyampaian sumbangan berupa barangan keperluan asas iaitu kotak makanan, barangan kesihatan iaitu kerusi roda dan sejumlah cek kepada 11

orang wakil koperasi terpilih yang hadir pada program berkenaan serta wakil kepada penerima manfaat dari Pusat Zakat Negeri Perlis iaitu Ustaz Ahmad Sirajuddin bin Abdul Satar, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Hal ehwal Agama Islam Negeri Perlis.

Manakala baki seramai 72 orang penerima manfaat yang terdiri daripada anggota koperasi dan empat orang penerima dari Pusat Zakat Negeri Perlis turut menerima bantuan tersebut selepas program. Program Khidmat Masyarakat ini diharap dapat meningkatkan kesejahteraan anggota koperasi di sekitar kawasan komuniti koperasi serta dapat menghasilkan satu impak bukan kewangan iaitu kepercayaan kemampuan IKMa dalam membantu gerakan koperasi dalam aspek pembangunan modal insan kepada komuniti koperasi sama ada secara langsung atau tidak langsung. Program tamat pada jam 12.30 tengah hari dengan jamuan makan tengah hari bersama dif-dif jemputan dan para koperator.



Penyerahan Kerusi Roda kepada Wakil Anggota Koperasi oleh Pn. Najmah binti Nawawi bersama Dr. Zurita binti Mohd Saleh.



Taklimat oleh Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah IKMa Zon Utara.



Peserta sedang mendengar taklimat.

# Seminar Hybrid Reset Bisnes Koperasi

Mohamad Suandi bin Haji Mortadza  
msuandi@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



Ketua Pengarah IKMa menyampaikan ucapan perasmian.



Ketua Pengarah IKMa menerima cenderahati daripada Pengarah IKMa Zon Sarawak.



Ketua Pengarah IKMa menyampaikan sumbangan CSR kepada salah seorang penerima.



Ketua Pengarah IKMa melawat booth jualan usahawan dan koperasi bersama Ketua Agensi KUSKOP Sarawak.

cabaran perniagaan semasa. Pada masa yang sama seminar ini juga berkongsi pengalaman dari kejayaan perniagaan yang sudah mendepani cabaran semasa untuk menyusun semula strategi baharu. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Ketika Ucapan Perasmian, beliau telah menyeru koperator dan usahawan yang hadir untuk menimba pengalaman daripada kejayaan usahawan yang telah berjaya mengharungi dugaan dalam perniagaan tatkala pandemik COVID-19 mula mengganas. Pada masa yang sama juga, beliau juga menekankan betapa perlunya koperasi untuk sentiasa siaga menghadapi cabaran yang akan datang. Puan Siti Maimunah bt Jerni (Pengarah IKMa Zon Sarawak) terdahulu telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Seramai 150 orang peserta telah hadir secara bersemuka dalam seminar pada kali ini. Manakala seramai 220 orang pula telah mengikuti seminar ini menerusi aplikasi Zoom. Manakala seramai lebih 27 000 orang telah 'view' seminar ini menerusi laman Facebook. Peserta yang hadir adalah terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi (ALK), anggota koperasi, pengurusan koperasi, usahawan serta individu yang berminat. Seminar pada kali ini telah

mengundang seorang "media social influencer" iaitu Cardock (Encik Fadhil bin Mohd Isa) yang tidak asing lagi di laman media sosial yang berkongsi tajuk "Media Sosial Super Power Kaut Untung". Manakala seorang lagi tetamu jemputan ialah Puan Siti Mariam bt Abd Rauf seorang pengusaha syarikat percetakan yang telah menukar perniagaannya di ketika PKP dengan perniagaan 'face mask' dan "sanitizer" sehingga mencatatkan jualan jutaan ringgit. Beliau telah berkongsi tajuk "360 Darjah Reset Bisnes".

Ketua Pengarah IKMa juga telah berbesar hati menyampaikan Sumbangan CSR IKMa Zon Sarawak kepada lima orang anggota Koperasi Qariah Surau Ikhwanul Muslimin Kuching dan 10 orang penduduk Flat Taman Dahlia Kuching dalam seminar kali ini. Penerima sumbangan merupakan golongan B40 yang memerlukan bantuan. IKMa Zon Sarawak berharap agar sumbangan yang telah diberi dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Ketua Pengarah IKMa juga turut sama telah melawat booth pameran usahawan serta koperasi yang telah mengadakan pameran jualan pada kali ini. Ketua Pengarah IKMa juga turut sama dalam Sidang Media bersama wartawan tempatan yang hadir.

**S**eminar Hybrid Reset Bisnes Koperasi (Online dan Bersemuka) telah dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak (IKMa Zon Sarawak) pada 25 November 2021 bertempat di Hotel Imperial Kuching. Tujuan utama penganjuran seminar ini adalah untuk memberi pendedahan persediaan mengurus

# Bengkel Pelan Strategik KOPSA

**Nazirah Baharudin**

nazirah@ikma.edu.my

Pusat Perundingan Koperasi & Perhubungan Industri

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah dengan kerjasama Pusat Perundingan Koperasi dan Perhubungan Industri telah berjaya melaksanakan Bengkel Pelan Strategik Koperasi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz (KOPSA). Bengkel yang diadakan secara dalam talian pada 5 April 2022 yang lalu ini berjaya menghimpunkan semua Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pengurusan tertinggi koperasi.

Program ini dibimbing oleh dua orang penceramah IKMa iaitu Encik Shamsul Khairi bin Abu Hassan dan Puan Nazirah binti Baharudin. Objektif utama bengkel ini adalah menambah baik pelan strategik


yang telah dibangunkan oleh pihak koperasi pada awal tahun 2022. Namun, pelan strategik ini tidak dapat disemak semula pada awal tahun disebabkan berlaku kematian pengerusi koperasi.

Program ini melibatkan seramai 11 orang peserta daripada barisan pensyarah Politeknik yang terdiri daripada pelbagai bidang. Kebanyakan daripada mereka adalah daripada bidang perdagangan. Hasil perbincangan daripada program ini, pihak KOPSA perlu menambah baik pelan strategik yang telah dibangunkan dari segi penambahbaikan misi, objektif dan analisis SWOT serta penambahbaikan item objektif

dengan memasukkan elemen perniagaan yang hendak difokuskan.

Seterusnya, atas saranan pengarah Politeknik menggalakkan KOPSA untuk menjalankan aktiviti kredit. Justeru, susulan daripada cadangan tersebut pihak IKMa akan mengadakan bengkel yang akan memberi fokus kepada aktiviti kredit dengan jemputan daripada pegawai penyelia Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membantu koperasi dalam memastikan perancangan strategik koperasi berjalan dengan lancar dan dapat membantu dalam perniagaan koperasi pada masa akan datang.



Sesi pembentangan oleh penceramah.

# Bengkel Pelan Strategik KOSBAK “Projek Sewaan Bilik”

**Nazirah Baharudin**


nazirah@ikma.edu.my

Pusat Perundingan Koperasi & Perhubungan Industri

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah dengan kerjasama Pusat Perundingan Koperasi dan Perhubungan Industri telah berjaya melaksanakan Bengkel Pelan Strategik “Projek Sewaan Bilik” Koperasi Serbaguna Batang Kali (KOSBAK). Bengkel ini diadakan secara dalam talian dan melibatkan semua Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan Jawatankuasa pembangunan projek sewaan bilik koperasi tersebut.

Objektif utama bengkel ini untuk menambah baik pelan strategik yang dibangunkan oleh koperasi. Program ini dibimbing oleh dua orang penceramah IKMa iaitu Encik Shamsul Khairi bin Abu Hassan dan Puan Nazirah binti Baharudin. Selain itu, KOSBAK mengharapkan melalui “Projek sewaan bilik” ini dapat membantu menambahkan pendapatan koperasi, menerapkan nilai keusahawanan kepada koperasi dan lain-lain.

Hasil perbincangan daripada bengkel ini, pihak koperasi perlu membangunkan SOP, aturan, melihat semula kos operasi bilik dan membangunkan pelan tindakan



aspek promosi. Penceramah IKMa juga akan membantu koperasi dalam menyediakan aturan projek sewaan bilik. Pihak koperasi disarankan agar menjadikan mana-mana koperasi yang menjalankan perniagaan *homestay* sebagai rujukan.

Seterusnya, dengan penglibatan dan pengalaman beberapa orang ALK dalam perniagaan *homestay* diharapkan dapat membantu KOSBAK untuk menjayakan projek

sewaan bilik. Justeru, susulan daripada itu pihak IKMa akan menemukan KOSBAK dengan koperasi yang menjalankan perniagaan *homestay* yang berjaya.

Secara keseluruhannya, bengkel ini berjaya dilaksanakan dan maklum balas daripada ALK mereka berpuas hati dalam pelaksanaan bengkel ini dan melaluinya dapat menjayakan objektif yang disasarkan.



# Kursus Koperasi Siri 1: Kefahaman Berkoperasi (Khas Koperasi Kariah Masjid)

**Nor Fadhilah Mohd**  
nor.fadhilah@ikma.edu.my  
Pusat Pembangunan Koperasi

**P**usat Pembangunan Koperasi (PPK) Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (wilayah Kuala Selangor) telah menganjurkan Kursus Koperasi Siri 1: Kefahaman Berkoperasi (Khas Koperasi Kariah Masjid) pada 30 Mac 2022 yang lalu. Seramai 50 orang jawatankuasa masjid serta individu yang akan terlibat dengan penubuhan koperasi telah menyertai kursus ini yang bertempat di The Blanket Resort, Kuala Selangor.

Tujuan kursus ini diadakan untuk memberi kefahaman tentang kepentingan berkoperasi dan peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi terutamanya koperasi kariah masjid. Selain itu, ia juga dapat

memperkasakan amalan berkoperasi dalam kalangan kariah masjid serta dapat membantu mereka menjana ekonomi daripada projek-projek yang dilaksanakan sama ada sektor pertanian, perladangan, pelancongan, penternakan, hartanah serta peruncitan.

Program ini melibatkan empat sesi ceramah iaitu Mengapa Perlu Koperasi, Koperasi sebagai Entiti Undang-undang Berdaftar dan Peluang Perniagaan Koperasi yang telah disampaikan oleh Pegawai Latihan PPK. Slot terakhir pula disampaikan oleh Encik Abd Aziz bin Ayub, pegawai dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Wilayah Kuala Selangor/Tanjung Karang) dengan tajuk Prosedur Penubuhan

Koperasi. Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa turut berkesempatan hadir bagi sesi penyampaian sijil kepada peserta serta perasmian majlis penutupan program ini.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mendapat reaksi positif dalam kalangan peserta dan telah mencapai objektifnya. Kursus ini telah membuka minda para peserta tentang kefahaman dan keistimewaan berkoperasi serta mengetahui tatacara penubuhan koperasi. Kursus ini akan diteruskan dengan siri kedua pada masa akan datang bagi memberi pendedahan dan kefahaman yang lebih mendalam lagi mengenai koperasi.

# Persidangan Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan 2022

Nuur-Fadzillah Zullkepli  
fadzillah@ikma.edu.my  
Unit Komunikasi Korporat



Persidangan Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 telah berlangsung dengan jayanya selama dua hari bermula 7 Mac 2022 di Pusat Konvensyen Movenpick, Sepang Selangor. Program yang bertemakan 'Koperasi Kariah Masjid Pemangkin Ekonomi Ummah' itu dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersama-sama agensi di bawahnya termasuk ANGKASA serta agensi Hal Ehwal Agama (HEA) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Seramai 500 peserta terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) Koperasi Kariah Masjid, Pegawai Penyelaras Masjid Daerah seluruh negara dan pegawai HEA seluruh negara hadir menayakan program tersebut. Penganjuran program tersebut

bertujuan untuk memperkasa dan mengukuhkan tadbir urus serta mengembangkan lagi aktiviti koperasi kariah masjid selaras dengan titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong agar tumpuan khusus diberikan kepada koperasi kariah masjid untuk meningkatkan ekonomi ummah.

Penubuhan Koperasi Kariah Masjid dengan keanggotaan minimum seramai 20 orang dan keahlian yang terbuka kepada masyarakat setempat merupakan satu inisiatif untuk membangunkan ekonomi kariah masjid melalui aktiviti perniagaan serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada ahli kariah. Berdasarkan rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Sehingga 30 Jun 2021, sejumlah 462 buah Koperasi Kariah Masjid telah didaftarkan, dengan keahlian 38,000 orang anggota koperasi dan jumlah aset melebihi RM29 juta. Antara cabaran bagi sebuah Koperasi Kariah Masjid adalah memastikan kelestarian sesebuah koperasi untuk terus kekal berdaya saing dan berkembang serta relevan dari masa ke semasa. Demi memastikan ia terus berkembang, kefahaman anggota mengenai konsep koperasi perlulah jelas, pelan perancangan koperasi perlu ada, serta penglibatan anggota dalam aktiviti-aktiviti amatlah dituntut agar selaras dengan prinsip koperasi.

Koperasi Kariah Masjid memainkan peranan yang besar dalam memenuhi keperluan ummah kepada produk Halalan Toyyiban.



Dengan jangkakan penduduk Muslim di Malaysia yang akan mencecah 22.8 juta orang menjelang 2030, terdapat banyak peluang dan ruang bagi usahawan Muslim untuk menceburi pasaran halal di negara. Industri Halal pada hari ini adalah satu industri yang dinamik dan dipengaruhi oleh peningkatan kesedaran di kalangan pengguna di seluruh dunia terhadap nilai yang dibawanya. Pelbagai pihak di peringkat antarabangsa telah mula menitik beratkan nilai halal kerana ia serasi dengan usaha meningkatkan kesejahteraan sosial, melindungi alam sekitar dan juga etika perniagaan. Koperasi Kariah Masjid dilihat perlu mengambil kesempatan dari kepentingan Malaysia sebagai Negara Pelopor Industri Halal yang mempunyai lebih 40 tahun pengalaman dalam membangunkan industri halal untuk memperkasakan kemampuan masing-masing dalam menyediakan produk-produk halal bertaraf antarabangsa. Jelasnya, Industri Halal bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan dan memberi perlindungan kepada pengguna dari segi keselamatan produk, malah memberi nilai tambah, menggalakkan perdagangan dan juga pelaburan.

JAKIM sebagai agensi pusat selaras dengan keputusan MKI dalam aspek pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia akan sentiasa bekerjasama memberikan input-input semasa dalam pelbagai forum perbincangan dan "round table discussion" (RTD) seperti di Majlis Raja-Raja, Persidangan Ketua-Ketua Jabatan (PKJ), Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan sebagainya dan insyaAllah kita bersedia untuk mewujudkan Majlis Perunding Koperasi Kariah Masjid yang akan di anggotai oleh KUSKOP, JAKIM, MAIN/ JAIN dan Agensi-agensi berkaitan untuk membentuk dasar, merancang dan melaksanakan inisiatif dan program berkaitan pembangunan koperasi masjid.

Diharapkan dengan penganjuran konvensyen kali ini, jumlah Koperasi Kariah Masjid dapat dipertingkatkan dan pihak-pihak berwajib dapat membantu memperkasakan ekonomi warga Koperasi Kariah Masjid sekali gus menyumbang kepada perolehan gerakan koperasi negara.

**Anugerah Koperasi Kariah Masjid Terbaik Peringkat Kebangsaan 2022**



Tempat Pertama: Koperasi Kariah Masjid Ar-Rashdiah Selama Perak Berhad.



Tempat Kedua: Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad.





Tempat Ketiga: Koperasi Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Berhad.



Sei penyerahan Sijil Pendaftaran Koperasi Kariah Masjid.

# Sesi Taklimat Program Sijil Eksekutif

Siti Hajar Saaey  
hajar@ikma.edu.my  
Pusat Pendidikan Tinggi



Pusat Pendidikan Tinggi (PPT) bertanggungjawab untuk melaksanakan program sijil eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) dan Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo) bagi tahun 2022. Hal ini selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi 2021-2025 (TransKoM) melalui tujuan ketiga TransKoM iaitu pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan bagi mewujudkan modal insan berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju merupakan komponen utama dalam memacu kecemerlangan gerakan

koperasi Malaysia. Program sijil ini dibangunkan bagi merealisasikan peranan IKMa dalam menyediakan latihan pensijilan profesional kepada ALK, pengurusan dan tenaga kerja koperasi.

Sehubungan itu, beberapa sesi taklimat kepada koperator telah diadakan dan dirancang bertujuan memberi informasi dan pendedahan berkaitan program sijil ini. Sesi taklimat dilaksanakan secara dalam talian telah bermula pada bulan Mac dan akan dilaksanakan seperti berikut:

Sehingga 20 April 2022, sesi taklimat ini telah dihadiri hampir 150 koperator seluruh Malaysia. Para peserta telah didedahkan dengan kandungan kursus, kaedah pelaksanaan serta yuran yang dikenakan bagi kedua-dua program. Sesi taklimat dimulakan dengan kata-kata aluan Pengarah Kanan Bahagian Koperasi dan Pengurusan (BKU), Puan Najmah bt Nawawi dan taklimat disampaikan oleh pegawai di bawah Pusat Pendidikan Tinggi. Taklimat ini turut menyentuh maklumat berkaitan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) yang dapat memberi manfaat kepada para koperator.

Secara kesimpulannya, sesi taklimat ini dilihat berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Diharapkan para peserta akan menyertai program sijil ini sekali gus menyokong IKMa dalam merealisasikan hasrat TransKoM dalam melahirkan golongan profesionalisme dalam gerakan koperasi. Maklum balas positif yang diperoleh daripada para peserta juga boleh diambil sebagai penanda aras agar program yang bakal diadakan berjaya memberi manfaat kepada golongan sasaran yang ingin dicapai.

| BIL | SESI   | TARIKH TAKLIMAT      | MASA                  |
|-----|--------|----------------------|-----------------------|
| 1   | Sesi 1 | 9 Mac 2022 (RABU)    | 10.00 –<br>11.00 pagi |
| 2   | Sesi 2 | 23 Mac 2022 (RABU)   |                       |
| 3   | Sesi 3 | 6 April 2022 (RABU)  |                       |
| 4   | Sesi 4 | 20 April 2022 (RABU) |                       |
| 5   | Sesi 5 | 18 Mei 2022 (RABU)   |                       |
| 6   | Sesi 6 | 1 Jun 2022 (RABU)    |                       |
| 7   | Sesi 7 | 15 Jun 2022 (RABU)   |                       |



# “Menelusuri COVID-19 dari Pandemi ke Endemik : Hikmah di Sebalik Cabaran”

Syarifah Rohaya Wan Idris  
 syarifah@ikma.edu.my  
 Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



Bergambar kenangan bersama jemputan dan para peserta.

*“Ketahanan diri individu adalah penting semasa menghadapi dan mengharungi sesuatu cabaran yang menguji kemampuan diri. Ketahanan diri yang kuat dan kukuh mampu membantu individu untuk membina benteng pertahanan diri daripada pelbagai elemen yang menjejaskan kehidupan mereka terutamanya semasa penularan pandemik COVID-19. Hikmah penularan wabak pandemik COVID-19 ini telah mewujudkan banyak peluang kepada individu untuk berubah menjadi lebih baik. Seseorang individu itu belajar dan berkembang melalui pengalaman hidup yang dilalui. Perubahan diri boleh berlaku melalui pengalaman diri sendiri atau mempelajari daripada pengalaman orang lain. Sikap sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki diri atau berubah akan dapat meningkatkan lagi daya tahan diri”.*

Demikian antara inti pati yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan di dalam program Bicara Ilmu Ramadan yang telah berlangsung dengan jayanya pada 21 April yang lalu bertempat di Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak.

Sesuai dengan temanya “Menelusuri COVID-19 dari Pandemi ke Endemik : Hikmah di Sebalik Cabaran”, penganjuran program bicara ilmu seumpamanya ini oleh Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada peserta untuk melihat peluang-peluang yang boleh diraih biarpun berhadapan dengan cabaran penularan pandemik COVID-19. Ia juga menekankan betapa pentingnya mendapatkan sokongan luar dalam mendepani cabaran tersebut



Bacaan doa bersekali doa sempena sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia.



Alunan bacaan Al-Quran oleh Ustaz Morshidi Udin.



Ucapan perasmian penutupan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

dengan membina hubungan dengan pihak lain termasuk sokongan perkumpulan seperti pertubuhan koperasi serta berupaya meneruskan kelangsungan hidup dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan menggunakan mekanisme penyelesaian yang terbaik.

Program yang telah disertai oleh seramai 146 orang yang terdiri daripada koperator dan usahawan di sekitar Kuching, Samarahan dan Serian serta pegawai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ini telah dirasmikan majlis penutupannya oleh Yang Berbahagia Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia. Program dimulakan seawal jam 03.00 petang dengan sesi ceramah. Sebanyak dua sesi ceramah di dalam program ini dan kedua-duanya telah disampaikan oleh Ustaz Fauwaz

Fadzil Nor yang merupakan seorang penceramah agama yang dikenali oleh masyarakat di Malaysia.

Dalam ceramah pertama yang bertajuk "Cabaran COVID19 – Peluang Membina Daya Tahan Diri", Ustaz Fauwaz telah mengajak peserta untuk membina daya ketahanan diri dengan melihat potensi diri dengan sudut pandangan positif. Dengan memberi fokus kelebihan dan kekuatan diri akan dapat memupuk keyakinan diri untuk menyelesaikan masalah dan mengharungi cabaran kehidupan. Selain itu, mengubah persepsi diri terhadap sesuatu masalah turut akan membantu individu untuk mengharungi cabaran hidup. Ada ketikanya individu tidak dapat mengubah masalah yang dihadapi, namun ia boleh mengubah persepsi terhadap masalah tersebut. Dengan mengubah persepsi iaitu melihat sudut positif atau hikmah di sebalik



sesuatu perkara akan memberi ruang untuk diri menerima dan menghadapi cabaran hidup dengan semangat positif.

Sesi ceramah kedua diteruskan selepas berhenti rehat selama 30 minit bagi memberi laluan kepada peserta Muslim mengerjakan solat Asar. Melalui ceramah yang bertajuk “Peluang di Sebalik Cabaran COVID-19 – dari Perspektif Daya Usaha Niaga Islam”, Ustaz Fauwaz menyentuh berkenaan peluang yang boleh diperoleh oleh usahawan sama ada yang telah lama dalam perniagaan mahupun yang masih baru menceburkan diri semasa berlakunya wabak COVID-19. Peluang untuk mempelajari dan meneroka kaedah baru, mengadakan transformasi serta mengadaptasi teknologi digital dalam pengurusan perniagaan serta memperbaharui idea niaga lama kepada yang baru sesuai dengan norma baharu yang diperkenalkan. Selain itu, usahawan juga harus peka dengan pelbagai bentuk bantuan

yang ditawarkan oleh pelbagai pihak sama ada dalam bentuk dana ataupun bantuan teknikal dan fizikal. Beliau turut menekankan betapa pentingnya usahawan meningkatkan ilmu dalam pelbagai bidang serta keberanian untuk mencuba dan beralih ke bidang perniagaan baharu serta mencipta kepelbagaian produk.

Mengakhiri program pada hari tersebut adalah penyempurnaan majlis perasmian penutupan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Di kesempatan majlis ini diselitkan dengan iringan bacaan doa sempena sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia. Ia sebagai tanda mula kepada aktiviti-aktiviti susulan yang akan dianjurkan oleh IKMa Zon Sarawak bersempena sambutan tersebut sepanjang 2022. Selain itu, peserta juga telah didengarkan dengan alunan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Al-Fadil Ustaz Morshidi bin Udin, Hakim Musabaqah Al-Quran Negeri Sarawak. Usai memberikan ucapan

**Dengan memberi fokus kelebihan dan kekuatan diri akan dapat memupuk keyakinan diri untuk menyelesaikan masalah dan mengharungi cabaran kehidupan. Selain itu, mengubah persepsi diri terhadap sesuatu masalah turut akan membantu individu untuk mengharungi cabaran hidup.**

perasmian, Yang Berbahagia Datuk Mohd Ali juga telah dijemput untuk memberikan sumbangan derma dan bantuan kepada golongan asnaf dan B40 yang memerlukan. Majlis berakhir sekitar jam 6.30 petang sebagai persediaan untuk majlis berbuka puasa bersama-sama koperator dan jemputan.



Ketua Pengarah bergambar bersama warga kerja IKMa Zon Sarawak.



Penyampaian sumbangan derma kepada asnaf.

# Taklimat Program Perundingan dalam Program *Cooperative Advisory Desk (CAD)* Bank Rakyat

Mohamad Haniff Mohamad Hashim  
haniff@ikma.edu.my  
Pusat Pengurusan Perniagaan

Sebanyak lima taklimat berkaitan Program Perundingan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah diadakan secara dalam talian bersempena dengan penganjuran Program *Cooperative Advisory Desk (CAD)* anjuran Bank Rakyat bermula bulan Januari sehingga bulan Februari 2022. Ia merupakan slot jemputan yang diberikan oleh Bank Rakyat kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi mempromosikan dan memberi kefahaman kepada peserta berkaitan Program Perundingan yang dijalankan IKMa. Umum mengetahui

bahawa terdapat Memorandum Persefahaman (MoU) antara IKMa dan Bank Rakyat sebagai salah satu pemberi pinjaman untuk Koperasi MiRiCLE mengembangkan sayap perniagaannya. Melalui program ini, khidmat perundingan oleh IKMa telah ditawarkan kepada koperasi yang menyertai program ini.

Program yang telah berlangsung ini dijalankan secara dalam talian dan secara keseluruhan lima program tersebut melibatkan peserta melebihi 150 orang. Perincian lima program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

**Jadual 1:** Taklimat Berkaitan MiRiCLE dalam Program CAD Anjuran Bank Rakyat


| Bil. | Tempat                       | Tarikh      |
|------|------------------------------|-------------|
| 1.   | Koperasi Wanita Negeri Perak | (24.1.2022) |
| 2.   | Kop IPT Negeri Pulau Pinang  | (28.1.2022) |
| 3.   | Kop IPT Negeri Perak         | (15.2.2022) |
| 4.   | Kop Wanita Negeri Kelantan   | (24.2.2022) |
| 5.   | Kop Kariah Negeri Masjid     | (28.2.2022) |

Sebahagian besar peserta yang hadir merupakan Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Taklimat disampaikan oleh Encik Mohamad Haniff bin Mohamad Hashim dari Pusat Pengurusan Perniagaan IKMa. Taklimat disampaikan merangkumi maklumat berkaitan Program Perundingan meliputi objektif, proses, syarat, penggunaan borang dan sebagainya. Bidang khidmat nasihat/bimbingan dan konsultasi yang ditawarkan dalam program ini ialah Pentadbiran dan Pengurusan, Kewangan dan Perakaunan, Perancangan Strategik, Pengurusan Perniagaan dan Pembangunan Bidang Keberhasilan. Kerjasama yang baik antara IKMa dan Bank Rakyat seharusnya diperluaskan dan dijadikan contoh oleh agensi kerajaan yang lain. Koperasi juga akan mendapat bantuan dan khidmat nasihat yang diperlukan untuk manfaat mereka.



# Fitnah Mengundang Perpecahan

Siti Nuraini Abu Bakar  
nuraini@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Gambar Kenangan kakitangan IKMa Zon Selatan bersama Encik Mohd Zaib dan PU Riz.



Sebahagian peserta yang menghadiri Program BI Ramadan 2022.

**P**rogram Bicara Ramadan: Fitnah Mengundang Perpecahan telah diadakan pada 17 April 2022 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan. Program ini berlangsung di Hotel DoubleTree by Hilton Johor Bahru dan telah dihadiri seramai 262 orang peserta dari negeri Johor dan Melaka. Objektif program ini untuk meningkatkan ketakwaan individu kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Di samping memberi kesedaran individu untuk menjauhi segala bentuk



Majlis Perasmian oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus.



Warga Kerja IKMa Zon Selatan bergambar kenangan.

**Diharap ilmu dan maklumat yang diperoleh oleh para peserta sepanjang mengikuti program ini dapat memberi manfaat khususnya tentang kepentingan menjaga tutur kata dalam aktiviti seharian mereka**

fitnah dalam bermasyarakat dan berkoperasi, program ini juga dapat memupuk sifat tanggungjawab individu untuk mencegah dan membasmi segala bentuk perpecahan dalam bermasyarakat dan berkoperasi.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan Institut Koperasi Malaysia. Pengisian program ini dimulakan dengan sesi Bicara Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Mohammad Haris bin Mohd Ismail atau lebih dikenali sebagai PU Riz dengan tajuk 'Fitnah Mengundang Perpecahan'. Penceramah menekankan bahawa setiap individu yang terlibat dengan aktiviti koperasi terutamanya Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pihak pengurusan perlu sentiasa menjaga tutur kata agar tidak memulakan fitnah yang boleh membawa kepada perpecahan khususnya dalam koperasi.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah

berjalan dengan lancar dan telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta serta berjaya mencapai objektifnya. Bagi pihak IKMa Zon Selatan, diharap ilmu dan maklumat yang diperoleh oleh para peserta sepanjang mengikuti program ini dapat memberi manfaat khususnya tentang kepentingan menjaga tutur kata dalam aktiviti seharian mereka. Selain itu, diharap Program Bicara Ramadan ini dapat memberi kesedaran kepada warga koperasi dan masyarakat bahawa sebagai umat Islam adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mencegah dan membasmi segala bentuk perpecahan. Usahalah atas kemampuan diri dan jangan jadikan fitnah sebagai senjata untuk mendapatkan keuntungan demi memenuhi kehendak nafsu.



# Kursus Kreativiti dan Inovasi Perniagaan

Dinah Nabilah Mokhtaruddin  
dinah@ikma.edu.my  
Pusat Pengurusan Perniagaan

Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) telah menganjurkan Kursus Kreativiti dan Inovasi Perniagaan pada 7 - 8 Mac 2022 yang lalu bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya. Kursus ini dijalankan untuk mendedahkan kepada para peserta tentang konsep kreativiti dan inovasi perniagaan dan dapat

mengaplikasikan keperluan kreativiti dan inovasi terhadap perniagaan koperasi khususnya.

Terdapat beberapa penceramah yang telah diundang semasa kursus ini dijalankan. Antaranya, dari pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) iaitu Encik Redzuan bin Ali, Pengarah Akademik Harta Intelek

yang telah berkecimpung di dalam bidang ini selam lebih 20 tahun. Topik yang dikupas adalah seperti apa itu harta intelek (ciptaan minda), cop dagangan, reka bentuk perindustrian dan contoh-contoh kesalahan yang sering dilakukan oleh para peniaga terutamanya dari segi paten, cap dagangan dan lain-lain. Seterusnya



Encik Redzuan bin Ali sedang menjawab soalan-soalan daripada para peserta.

**Topik yang dikupas adalah seperti apa itu harta intelek (ciptaan minda), cop dagangan, reka bentuk perindustrian dan contoh-contoh kesalahan yang sering dilakukan oleh para peniaga terutamanya dari segi paten, cop dagangan dan lain-lain.**

pusat ini turut mengundang wakil daripada pihak Zull Design Autotronic, Encik Muhammad Asif bin Zulkifli, Pegawai Eksekutif Projek. Kita sedia maklum bahawa Zull Design Autotronic merupakan salah sebuah syarikat yang berjaya dalam menginovasikan sesuatu produk

seperti contoh mesin alat memasang lemang yang memerlukan masa untuk memasak selama dua jam sahaja, mesin memotong kuih satu inci dan lain-lain. Justeru, Encik Asif memberikan gambaran tentang perbezaan antara kreativiti dan inovasi (inkremental dan juga radikal) dan memberikan contoh-contoh produk yang telah diubahsuai oleh pihak Zull Design Autotronic sendiri.

Penceramah yang terakhir, Encik Latif bin Mustari, Pengurus Mislina Food Empire telah dijemput untuk menceritakan pengalaman beliau dalam penghasilan produk dodol "Miss Dodol" di bawah syarikat beliau. Beliau menceritakan pengalaman beliau dalam mengolah produk dodol daripada perisa biasa dan kini telah mempunyai dua perisa yang baru iaitu perisa durian dan perisa kopi. Beliau juga berkongsi pengalaman di mana dalam mengolah perisa ini, terdapat cabaran yang dialami oleh pihak

beliau untuk memastikan produk ini bukan sahaja mendapat permintaan dari dalam Malaysia bahkan ia mampu mendapat sambutan di luar Malaysia. Sehingga kini produk Miss Dodol ini mendapat permintaan di negara Arab Saudi dan juga di Dubai.

Kesimpulannya, kreativiti dan inovasi merupakan 'senjata' yang ampuh dalam menghadapi perniagaan pada masa hadapan yang penuh mencabar. Kreativiti akan menghasilkan inovasi ke atas produk dan perkhidmatan dengan harapan dapat memenuhi permintaan para pelanggan. Keperluan dan kehendak para pelanggan juga sentiasa berubah dari semasa ke semasa selari dengan peredaran masa kini. Koperasi perlu peka dengan apa yang berlaku di sekeliling bukan sahaja di kawasan operasi bahkan juga di serata dunia. Justeru, kursus ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada para peserta dan juga kepada koperasinya.



Encik Muhamad Asif bin Zulkifli sedang memberi penerangan kepada para peserta.



Pengurus Mislina Food Empire sedang berkongsi pengalaman beliau dalam mengusahakan perniagaan 'Miss Dodol'.

# Kemeriahan Slot Keusahawanan - Inspirasi Koperasi: Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi Sempena Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia

**Mohd Hamzah bin Kasim**  
hamzah@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bersama dengan Hajah Yusnita binti Othman, Pengarah IKMa Zon Utara bermesra dengan penceramah jemputan.



Urus setia program bergambar kenang-kenangan.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melalui Zon Utara telah berjaya menganjurkan satu slot Keusahawanan - Inspirasi Koperasi dengan tema 'Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi' pada tanggal 27 Mac 2022 yang lalu. Slot ini diadakan bersempena dengan program Jelajah Aspirasi #Keluarga Malaysia

(JAKM) yang dianjurkan oleh Unit Penyampai Kemakmuran Bersama (SEPADU) Jabatan Perdana Menteri di Pentas Mini Jualan IKS, Perkarangan Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis pada 25 hingga 27 Mac 2022.

Objektif program ini ialah untuk menyebarkan manfaat

berkoperasi bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi yang mana mampu menjana pendapatan dan memberi manfaat kepada anggota dan menyumbang kepada pencapaian matlamat pembangunan negara. Selain itu, program ini diharap menjadi sumber inspirasi kepada



Penceramah Jemputan 1, Ustaz Mohamad Nasir bin Nyan, Pengerusi, Koperasi Satu Harakah Perlis Berhad.



Penceramah Jemputan 2, Encik Norkhiriri bin Hassan, Pengerusi, Koperasi Usahawan Utan Buluh Perlis Berhad.



Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus menyampaikan hadiah kepada pemenang slot kuiz koperasi.



Sebahagian kemeriahan program.



Sebahagian kemeriahan program.

semua golongan masyarakat terutama koperator dalam menyelami perjalanan jatuh bangun koperasi yang dipilih untuk terus kekal bertahan dalam persaingan perniagaan. Tema perkongsian kisah kejayaan dipilih sebagai satu inisiatif untuk mengetengahkan koperasi yang berjaya di negeri Perlis kepada masyarakat. Ini selaras dengan hasrat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan DYT Raja Muda Perlis untuk mengukuhkan lagi sektor koperasi di negeri Perlis yang sedang berkembang baik ketika ini.

IKMa Zon Utara telah membawa jemputan khas dari Koperasi Satu Harkah Perlis Berhad yang diwakili oleh Pengerusi iaitu Ustaz Mohamad Nasir bin Nyan dan Encik Norhiriri bin Hassan yang merupakan Pengerusi Koperasi Usahawan Utan Buluh Perlis Berhad yang mewakili antara koperasi terbaik di negeri Perlis. Perkongsian kisah kejayaan kedua-dua koperator ini berjaya menarik perhatian dan minat lebih 60 orang peserta yang terdiri daripada wakil koperasi seluruh negeri Perlis, usahawan-usahawan dan peniaga yang terlibat sepanjang program dan juga para pengunjung. Program bual santai ini diselitkan juga dengan sesi menjawab soalan kuiz yang berkisar mengenai apa yang telah dikongsikan oleh penceramah jemputan. Slot ini berlangsung dengan meriah namun masih lagi mengekalkan pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi fasa Plan Pemulihan Negara (PPN).

Slot Keusahawanan - Inspirasi Koperasi: Perkongsian Kisah Kejayaan bersempena JAKM ini telah dianjurkan dengan jayanya dan dilihat telah mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sekalung ucapan penghargaan wajar diberikan kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak terutama kepada Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKMa.



Ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa.



Penyampaian cendera kenangan kepada penceramah oleh Ketua Pengarah IKMa.

## “Hijrah Membina Keutuhan Jati Diri”

**Yusri Hj. Tarip**  
yusri@ikma.edu.my

**Jaibit Jaudin**  
jaibit@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah (IKMa) Zon Sabah telah menganjurkan Program Bicara Ilmu Ramadhan bertajuk “Hijrah: Membina Keutuhan Jati Diri” bertempat di Hotel Raia, Kota Kinabalu, Sabah pada 22 April 2022 yang lalu. Majlis perasmian penutupan program tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Seramai 130 orang peserta telah menghadiri program tersebut, melebihi sasaran awal seramai 100 orang. Para peserta yang hadir terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalam

(JAD), anggota koperasi, pengurusan dan kakitangan koperasi, usahawan dan individu dari sekitar daerah Kota Kinabalu. Tetamu kehormat yang turut hadir dalam program ini ialah ketua dan wakil agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia, SME Corporation Malaysia (SME Corp), TEKUN Nasional, Bank Kerjasama Rakyat, Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA).

Objektif penganjuran Bicara Ilmu pada kali ini ialah untuk meningkatkan ketakwaan individu kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya, memberi kesedaran kepada individu supaya menjauhi kemungkaran dan kemaksiatan untuk mengutuskan jati diri dan memupuk sifat tanggungjawab individu untuk mencegah dan membasmi segala bentuk perpecahan dalam bermasyarakat dan berkoperasi. Sabda Rasulullah SAW “*Telah datang kepadamu bulan Ramadhan, bulan keberkahan, Allah mengunjungimu*

*pada bulan ini dengan menurunkan rahmat, menghapus dosa-dosa dan mengabulkan doa. Allah melihat berlomba-lombanya kamu pada bulan ini dan membanggakanmu kepada para malaikat-Nya, maka tunjukkanlah kepada Allah hal-hal yang baik dari dirimu, kerana orang yang sengsara ialah yang tidak mendapatkan rahmat Allah di bulan ini.” (HR At-Thabrani).*

Jati diri ialah unsur kehidupan yang mencerminkan lahiriah individu atau masyarakat. Dalam pengertian sahnya, jati diri ialah identiti individu, masyarakat dan negara bangsa yang punya sifat keutuhan yang dibanggakan. Jati diri selalunya dikaitkan dengan akhlak dan maruah individu, masyarakat atau negara.

Sehubungan dengan itu, program ini dilihat dapat memberi kesedaran kepada warga koperator untuk mengembalikan jati diri dalam kalangan masyarakat manakala dalam konteks koperasi, jati diri berkoperasi haruslah dipertahankan.

Penceramah yang diundang khas bagi mengupas tajuk Bicara Ilmu kali ini ialah YBhg. Tuan Haji S. Hamsul Azahar bin Aliddin atau lebih dikenali sebagai Shamsul Ghau Ghau iaitu seorang selebriti terkenal tanah air yang kini menjadi seorang pendakwah bebas. Program yang bermula pada jam 2.30 petang telah diakhiri dengan majlis berbuka puasa bersama peserta.

Sesi ceramah Membina Keutuhan Jati diri berakhir pada pukul 5.30

petang. Sementara menunggu majlis berbuka puasa, IKMa Zon Sabah telah menyelitkan program khidmat masyarakat (CSR) iaitu penyampaian sumbangan kebajikan berupa wang tunai berjumlah RM2,000.00 setiap satu kepada dua buah rumah anak yatim Home Tuaran dan Amal Kasih, Likas. Sumbangan telah disampaikan kepada wakil kedua-dua rumah anak yatim ini oleh YBhg. Datuk Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia. Majlis bergambar bersama-sama dengan 20 orang anak-anak yatim juga telah diadakan dengan disertai oleh seluruh warga kerja IKMa Zon Sabah. Seterusnya program Bicara Ilmu kali ini diakhiri dengan majlis berbuka puasa.



Penyerahan bantuan kebajikan kepada rumah anak-anak yatim.



Peserta Bicara Ilmu Ramadan dalam sesi soal jawab.

# Bicara Ilmu

## 'Berkoperasi dari Hati' dan Majlis Berbuka Puasa

Nur Syamimi Othman

nursyamimi@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Usai kerajaan mengumumkan fasa baharu iaitu Fasa Peralihan Endemik pada 1 April 2022 dengan memberi kebenaran bagi menganjurkan acara atau majlis secara bersemuka, pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara, tidak melepaskan peluang dengan menganjurkan program Bicara Ilmu 'Berkoperasi Dari Hati' dan Majlis Berbuka Puasa bersama warga koperator di utara tanah air. Program yang mendapat sambutan begitu menggalakkan dengan penglibatan seramai 205 orang yang terdiri daripada wakil koperator dari negeri

Pulau Pinang, Kedah dan Perlis itu telah berlangsung pada hari Isnin tanggal 25 April 2022, bersamaan 23 Ramadan 1443 Hijrah di Hotel Ixora, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Program ini telah disempurnakan dengan perasmian oleh Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Sebagai tanda sokongan padu ke atas program yang dianjurkan oleh IKMa Zon Utara, program turut dilengkapkan dengan kehadiran YBhg. Datuk Ali bin Mansor, Ketua Pengarah

IKMa dan Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa. Malah program ini juga turut mendapat perhatian dari beberapa agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang rata-ratanya tidak mahu melepaskan peluang untuk bersama memeriahkan program dianjurkan kali ini. Antara agensi yang dimaksudkan adalah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, Bank Rakyat, SME Corporation Malaysia, Tekun



Kehadiran tetamu kehormat di perkarangan *grand ballroom* hotel.



Ucapan perasmian oleh YB Datuk Muslimin bin Yahya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).



Penerima manfaat iaitu Koperasi Warga Darul Hadis Pulau Pinang Berhad, Pusat Jagaan Permata Kasih dan Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang.



YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus bersama kakitangan IKMa Zon Utara.



Peserta program Bicara Ilmu 'Berkoperasi Dari Hati' dan Majlis Berbuka Puasa.



Persembahan Qasidah oleh Koperasi Warga Darul Hadis Pulau Pinang Bhd.

**Objektif program CSR ini adalah untuk menjalinkan hubungan baik IKMa bersama masyarakat luar di samping mempromosi imej dan visibiliti IKMa kepada masyarakat umum sebagai agensi atau pihak yang menggerakkan pembudayaan koperasi.**

Nasional, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan ANGKASA Negeri Pulau Pinang dan Kedah.

Menjadi satu kelaziman bagi setiap program yang dianjurkan pastinya mempunyai objektif tersendiri. Begitu juga dengan program Bicara Ilmu "Berkoperasi dari Hati" adalah untuk memberi pendedahan mengenai penghayatan bulan Ramadan sebagai bulan penyucian hati. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai konsep berkoperasi dari hati di kalangan warga koperasi dan kaitannya dengan tadbir urus koperasi serta penerapan nilai dan amalan murni yang boleh disemai dalam melahirkan koperasi yang menjiwai koperasi.

Selaras dengan inisiatif IKMa untuk meningkatkan penampilan imej dan identiti kepada masyarakat luar, sesi program khidmat masyarakat (CSR) turut diselitkan sejurus majlis perasmian oleh Yang Berhormat Menteri. Antara pengisian program ini adalah dengan memberikan sumbangan bernilai RM1500.00 kepada setiap penerima manfaat yang terdiri daripada koperasi dan badan kebajikan di Pulau Pinang iaitu Koperasi Warga Darul Hadis Pulau Pinang Berhad, Pusat Jagaan Permata Kasih dan Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang. Program ini seiring dengan agenda utama Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat nasional khususnya dalam pencapaian indikator SDG, kemajuan masyarakat dan kemakmuran.





Ceramah Berkoperasi dari Hati yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Mohd Elyas bin Ismail.



Barisan Urus setia IKMa Ibu Pejabat dan IKMa Zon Utara bergambar kenangan bersama Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, En. Mohd Zaib bin Mat Yunus.

Objektif program CSR ini adalah untuk menjalinkan hubungan baik IKMa bersama masyarakat luar di samping mempromosi imej dan visibiliti IKMa kepada masyarakat umum sebagai agensi atau pihak yang menggerakkan pembudayaan koperasi. Selain itu, objektif CSR ini juga adalah untuk menyalurkan bantuan bagi meningkatkan kesejahteraan penerima manfaat serta meningkatkan keyakinan dan jati diri warga IKMa dalam membentuk pembangunan insaniah, sikap penyayang dalam diri seterusnya mewujudkan rasa simpati dengan masyarakat luar yang kurang bernasib baik.

Dalam usaha untuk mengangkat tema Berkoperasi dari Hati agar dihayati oleh warga koperator, pihak IKMa Zon Utara telah menjemput seorang penceramah tersohor di Malaysia menerusi perkongsian ceramah-ceramah berinspirasi yang dipaparkan di media sosial

dan majlis-majlis ilmu iaitu YBhg. Ustaz Mohd Elyas bin Ismail yang merupakan seorang pendakwah bebas merangkap Pengarah di High Step Consultant iaitu sebuah syarikat yang mengendalikan program seminar dan motivasi di bawah pimpinan beliau sendiri. Menerusi ceramah yang disampaikan oleh beliau dalam program ini begitu meninggalkan kesan buat warga koperator dan semua jemputan yang hadir. Perkongsian yang digarap dengan penghayatan dan kupasan menarik mengenai konsep berkoperasi dari hati serta penerapan nilai dan amalan murni cukup memberikan impak yang luar biasa pada program kali ini. Pihak IKMa Zon Utara turut menerima maklum balas positif daripada para jemputan yang rata-ratanya sangat berpuas hati dengan perkongsian daripada YBhg. Ustaz. Bagi mencipta sedikit kelainan, pihak IKMa Zon Utara turut menjemput Koperasi

Warga Darul Hadis Pulau Pinang Berhad untuk menyampaikan alunan Qasidah sebagai penyejuk hati dan 'halwa telinga' buat para tetamu jemputan sementara menantikan tibanya waktu berbuka puasa. Para tetamu telah disajikan dengan sajian lazat lagi menyelerakan dan program tersebut telah selesai sepenuhnya pada jam 9.00 malam.

Justeru, penganjuran bicara ilmu ini dilihat sebagai telah mencapai objektif sebagaimana yang telah dirancang. Harapan agar program ini dapat memberi manfaat kepada para koperator dan masyarakat umum khususnya untuk lebih mengenali IKMa sebagai sebuah agensi yang prihatin kepada masyarakat di samping membekalkan ilmu dan kemahiran kepada warga koperator untuk lebih terkedepan dan seterusnya menjadi sebuah institusi latihan dan rujukan utama koperasi, usahawan mahupun orang perorangan.

# Pertukaran daripada Pinjaman Konvensional kepada Pembiayaan Patuh Syariah

**Juliah Binti Sabtu**  
juliah@ikma.edu.my  
Pusat Kewangan & Akaun



Wakil koperasi yang hadir.



Sesi perkongsian pengalaman daripada Koperasi TNB Bhd.

**B**engkel berkaitan pertukaran daripada pinjaman konvensional kepada pembiayaan patuh syariah telah dijalankan di Bangi Resort Hotel pada 22 Jun 2022 (Rabu) yang dianjurkan oleh Pusat Kewangan & Akaun, IKMa. Bengkel ini dibawah Program FAST yang dihadiri seramai 15 orang ALK dan pengurus koperasi daripada lapan buah koperasi yang berada di Lembah Klang dan Koperasi Persalam Manjung Bhd. Bengkel ini merupakan pendedahan awal terhadap pembiayaan syariah kepada koperasi-koperasi yang terlibat dalam pinjaman konvensional. Objektif bengkel ini diadakan untuk:

- a) Mendapat maklum balas berkaitan proses pinjaman konvensional kepada pembiayaan patuh syariah.
- b) Mengenal pasti kriteria yang diperlukan bagi membolehkan sesuatu pinjaman menjadi patuh syariah.

Terdapat tiga sesi yang dijalankan dalam bengkel tersebut di mana sesi pertama adalah daripada Ustaz Fazli Masri daripada CoopBank Pertama. Sesi pertama ini merupakan sesi memberikan kesedaran berkaitan keperluan koperasi bertukar kepada pembiayaan syariah. Sesi kedua dan ketiga adalah berkaitan perkongsian pengalaman daripada koperasi yang

telah menjalankan pembiayaan syariah daripada Koperasi Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad (KOIMAN). Daripada bengkel yang diadakan selama setengah hari ini cukup mendapat maklum balas yang baik dan menarik perhatian wakil koperasi-koperasi yang dihadiri berkaitan keperluan pembiayaan syariah.



Taklimat kesedaran daripada Ustaz Fazli Masri.

# Program Pemantapan Tadbir Urus Koperasi

**Siti Hafizah Ramli**  
hafizah@ikma.edu.my  
Pusat Pembangunan Koperasi

Pusat Pembangunan Koperasi (PPK) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Kedah telah menganjurkan Kursus Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi yang Berkesan pada 24 Mei hingga 26 Mei 2022 yang lalu. Seramai 30 orang ahli koperasi yang terlibat telah menyertai kursus ini yang bertempat di Hotel Emerald Puteri, Sungai Petani, Kedah.

Objektif kursus ini diadakan untuk memberi kefahaman tentang prosedur dan peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan dan pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) koperasi serta memberi pendedahan tentang teknik-teknik untuk mengurus Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) koperasi dengan cekap dan berkesan. Selain itu, ia juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan bagi koperasi yang baru di tubuhkan bagi mengendalikan mesyuarat agung dengan teratur. Impak daripada kursus ini, peserta dapat mengamalkan persediaan sebelum, semasa dan selepas mesyuarat agung yang betul dan berkesan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mendapat reaksi positif dalam kalangan peserta dan telah mencapai objektifnya. Kursus ini telah membuka minda para peserta tentang kefahaman untuk mengendalikan mesyuarat agung. Kursus ini akan diteruskan dengan siri kedua pada masa akan datang.



Sesi bergambar beramai-ramai bersama para peserta.



Peserta sedang tekun mendengar penerangan daripada Puan Nor Fadhillah Mohd.



Puan Sharifah Shuzaida memberi keterangan tentang persediaan mesyuarat agung.

# Memperkasakan Jaringan Kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan Koperasi Kolej Vokasional

**Mohamad Haniff Mohamad Hashim**  
 haniff@ikma.edu.my  
 Pusat Pengurusan Perniagaan




Pertemuan penyelidikan (kanan) bersama Penasihat Koperasi Kolej Vokasional Besut Berhad.



Pertemuan penyelidikan (kanan) bersama ALK Koperasi Kolej Vokasional Dungun Berhad.

Kolej Vokasional menawarkan pelbagai program pembelajaran seperti Pengurusan Perniagaan, Automatif, Bakeri, Pelancongan, Kosmetik dan lain-lain. Koperasi Kolej Vokasional pula merupakan koperasi yang ditubuhkan dengan majoritinya dianggotai oleh pelajar yang rata-rata terdiri dalam kalangan belia. Sehingga kini, terdapat 50 Koperasi Kolej Vokasional di seluruh Malaysia meliputi lebih kurang 30,000 anggota koperasi. Koperasi ini banyak menjalankan perniagaan peruncitan, pembekalan, sewa jubah, kedai dobi, sewa letak kereta, sewaan kedai dan sebagainya. Terdapat juga koperasi yang mempunyai produk sendiri seperti gazebo, racun tanaman, cenderamata, air minuman dan lain-lain.

Penyelidikan berkaitan Koperasi Kolej Vokasional telah dijalankan oleh IKMa. Objektif kajian ini ialah untuk memperoleh maklumat berkaitan koperasi, kewangan dan tadbir urus. Kajian juga mengenal pasti akan impak COVID-19 kepada Koperasi Kolej Vokasional. Selain itu, kajian ini juga memperkukuhkan hubungan antara



IKMa dengan koperasi yang ramai dianggotai oleh belia. Ini selaras dengan dasar yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) agar masyarakat khususnya belia terlibat dalam koperasi. Maklumat yang diperoleh boleh membantu pemegang taruh seperti KUSKOP, KPM, SKM memperkenalkan dasar bagi memperkasakan koperasi ini. Di pihak IKMa pula, maklumat yang diperoleh akan dapat membantu merangka kursus bersesuaian bagi pelajar dan belia koperasi.

Sesi perjumpaan diadakan antara penyelidik dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan sebahagian pelajar kolej tersebut. Ini bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan prestasi koperasi dan penglibatan pelajar dalam koperasi. Perjumpaan berlangsung selama lebih kurang 1 jam setengah setiap koperasi melibatkan sesi penerangan kajian, perbincangan

berkaitan isu dan cabaran, maklumat koperasi dan sebagainya. Maklumat ini penting bagi memastikan kajian memperoleh maklumat yang cukup dan memenuhi objektif kajian. Berdasarkan perjumpaan tersebut, banyak maklumat dan idea diperoleh berkaitan cadangan memperkasakan koperasi dan langkah bersesuaian bagi mengatasi masalah yang berlaku dalam koperasi.

Setakat ini, terdapat lebih daripada 40 Koperasi Kolej Vokasional telah dilawat oleh penyelidik bagi proses kutipan data. Lawatan ke Koperasi Kolej Vokasional ini dilakukan daripada bulan Januari sehingga bulan April tahun 2022. Majoriti koperasi yang telah dilawati melibatkan negeri yang terletak di Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu, sokongan yang diberikan oleh Koperasi Kolej Vokasional ini juga diterjemahkan melalui komitmen

**Sehingga kini, terdapat 50 Koperasi Kolej Vokasional di seluruh Malaysia meliputi lebih kurang 30,000 anggota koperasi. Koperasi ini banyak menjalankan perniagaan peruncitan, pembekalan, sewa jubah, kedai dobi, sewa letak kereta, sewaan kedai dan sebagainya.**

dan penglibatan dalam kursus yang bakal dianjurkan oleh IKMa pada masa mendatang. Kerjasama yang erat antara IKMa dan Koperasi Kolej Vokasional ini diharap berterusan untuk memastikan pelajar mendapat pendedahan lebih mendalam berkaitan koperasi pada masa hadapan.



Pertemuan penyelidik (kiri) bersama ALK Koperasi Kolej Vokasional Klang Berhad.



Pertemuan penyelidik (kiri) dengan ALK Koperasi Kolej Vokasional ERT Setapak Berhad.

# Kunjungan Ketua Pengarah IKMa ke Koperasi Koperkasa Sarawak Bhd

**Mohamad Suandi bin Haji Mortadza**  
 msuandi@ikma.edu.my  
 Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



**K**etua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa) YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor telah membuat kunjungan hormat menemui Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Koperkasa Sarawak Berhad pada 25 November 2021 bertempat di Pejabat Koperasi Koperkasa Sarawak Bhd di Jalan Simpang Tiga Kuching. Rombongan Ketua Pengarah turut disertai oleh Pengarah IKMa Zon Sarawak, Puan Siti Maimunah bt Jerni, Timbalan

Pengarah IKMa Zon Sarawak, Puan Sharifah Rohaya bt Wan Idris dan Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Sarawak, Encik Mohamad Suandi bin Mortadza. Tujuan utama lawatan ini adalah bagi mengukuhkan hubungan baik IKMa dan Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad. Rombongan Ketua Pengarah IKMa telah disambut oleh Pengerusi Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad, Encik Fathi bin Hambali serta ALK yang turut

hadir. Taklimat Perkembangan dan Perniagaan Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad telah disampaikan oleh Tuan Haji Jaya Suria bin Muss, Pengurus Besar Koperasi Koperkasa Sarawak Bhd. Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad menduduki tangga ke-12 Indeks 100 Koperasi terbaik Malaysia pada tahun 2020. Semoga lawatan ini mengukuhkan kerjasama erat gerakan koperasi dan IKMa secara keseluruhannya.



Gambar kenangan Ketua Pengarah IKMa serta barisan Ahli Lembaga Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad.



Ketua Pengarah IKMa menerima cenderamata daripada Encik Fathi bin Hambali Pengerusi Koperasi.




Ketua Pengarah IKMa menyampaikan cenderamata mewakili pihak IKMa.



# Lawatan Timbalan Ketua Pengarah IKMa ke Koperasi Harapan Perdana Kelantan Berhad

**Mohamad Haniff Mohamad Hashim**  
haniff@ikma.edu.my  
Pusat Pengurusan Perniagaan



**K**operasi Harapan Perdana Kelantan Berhad merupakan salah satu daripada koperasi MiRiCLE. Satu program lawatan telah berlangsung pada 4 Februari 2022 ke ladang koperasi melibatkan pegawai Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Anggota Lembaga Koperasi (ALK) koperasi dan pakar industri daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang. Program ini melibatkan bimbingan dan khidmat nasihat berkaitan tanaman cili yang diusahakan oleh koperasi. Program ini juga melibatkan jenis program yang dirancang dengan koperasi pada masa akan datang bersama pihak PPK Bukit Awang. Kunjungan pegawai dari IKMa ini diketuai oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) bagi

meninjau projek fertigasi cili sedia ada yang dijalankan koperasi.

Terdapat pelbagai perbincangan yang berlangsung dalam mesyuarat tersebut. Ia meliputi perancangan dan permasalahan yang dihadapi oleh koperasi bagi menjayakan projek tersebut. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 1000 anak pokok yang diusahakan oleh koperasi ini. Koperasi juga merancang menambah bilangan anak pokok sebanyak 1000 lagi bagi mengoptimumkan penggunaan tanah koperasi seluas 10 ekar. Mesyuarat juga merangka kursus dan program bersesuaian dengan koperasi seperti jati diri anggota, tadbir urus koperasi, perniagaan dan sebagainya. Kerjasama yang erat di antara pihak IKMa dan koperasi ini diharap dapat membantu

**Kerjasama yang erat di antara pihak IKMa dan koperasi ini diharap dapat membantu mengembangkan perniagaan koperasi terbabit.**



mengembangkan perniagaan koperasi terbabit. Kerjasama ini juga dilihat harus diperluaskan dan dijadikan contoh agar kedudukan dan prestasi gerakan koperasi akan menjadi lebih baik pada masa hadapan.

# Lawatan Kerja IKMa ke Koperasi MiRiCLe di Sabah

**Ridzuan Saudi**  
ridzuan@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Selaras dengan pembukaan rentas negeri seluruh Malaysia, pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa) mengambil kesempatan ini untuk melawat koperasi MiRiCLe yang beroperasi di Tawau, Sabah. MiRiCLe ataupun Million Ringgit Coop League merupakan salah satu program IKMa dalam membantu koperasi untuk melonjakkan pendapatan ke satu tahap yang lebih tinggi. Ia dilakukan dengan membangunkan perancangan dan tawaran nilai sebagai rakan strategik koperasi.

Sesi lawatan diketuai oleh pengurusan tertinggi IKMa iaitu Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan dan Puan Hamidah bt Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan bersama kakitangan IKMa Sabah melawat Koperasi Emas Tawau (KOPEMAS) pada 15 Februari 2022. Koperasi ini menjalankan aktiviti pembedahan dan peruncitan di sekitar Tawau dan merancang untuk mengembangkan aktiviti perniagaan ke seluruh daerah Sabah.



Lawatan ke kilang pemprosesan beras KOPEMAS.



Sesi perbincangan di antara pihak IKMa dan Ahli Lembaga KOPEMAS.



Lawatan ke pasar mini KOPEMAS.



Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus mencuba mengendalikan teknik pembungkusan beras menggunakan mesin.



Sesi bergambar rombongan IKMa dan ahli lembaga KOPEMAS di hadapan pasar mini milik KOPEMAS.

Sepanjang lawatan, pihak IKMa telah dibawa ke pasar mini dan kilang pemprosesan beras untuk melihat bagaimana koperasi mengendalikan aktiviti perniagaan mereka. Perbincangan bersama koperasi dibuat untuk mengadakan beberapa kursus MiRiCLe yang sesuai dengan aktiviti perniagaan koperasi.

Secara keseluruhan, koperasi berterima kasih atas keprihatinan IKMa dalam melakukan lawatan dan turun padang untuk berjumpa dengan lembaga koperasi. Hubungan di antara IKMa dan koperasi akan lebih terjalin lebih erat dan ianya akan memberi manfaat bersama demi gerakan koperasi di Sabah.





Kedai Mart MYOKU.

Lakaran mural di dinding luar kedai mart Koperasi Usahawan MyOKU Selangor Berhad (KUOS).



Penyerahan cenderamata kepada Pengerusi Koperasi Usahawan MyOKU Selangor Berhad (KUOS), En. Muhamad Asyraf bin Mahat.

## Meningkatkan Sosioekonomi Golongan 'Masih Ada yang Sayang'

**Hasrin Abu Hassan**  
hasrin@ikma.edu.my  
Pusat Pengurusan Perniagaan

Satu kunjungan ke kedai Koperasi Usahawan MyOKU Selangor Berhad (KUOS) telah dilaksanakan pada 12 April 2022 yang lalu. Kunjungan ini sebagai salam perkenalan dengan KUOS yang baru setahun lebih ditubuhkan. Ia memberi ruang untuk memperkenalkan peranan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) kepada KUOS tentang pelbagai program

latihan diadakan khusus untuk gerakan koperasi Malaysia.

Apa yang lebih menarik lagi, kunjungan ini juga dapat melihat wujudnya kedai KUOS yang menjadi hab pemasaran produk anggota koperasi sepertimana yang dihasratkan iaitu untuk mengupayakan dan memperkasakan usahawan dalam kalangan Orang



Produk beberapa perencah makanan keluaran Koperasi Usahawan MyOKU Selangor Berhad (KUOS).

### Kewujudan KUOS dan lain-lain pertubuhan yang menasarkankan golongan 'masih ada yang sayang' ini amat disokong oleh kerajaan

Kelainan Upaya (OKU), golongan asnaf, ibu tunggal dan golongan B40. Encik Muhamad Asyraf bin Mahat, selaku Pengerusi KUOS telah memperkenalkan produk yang dipasarkan di kedai koperasi tersebut yang mana kebanyakannya adalah produk makanan seperti *cookies*, pelbagai perencah masakan, dodol, kerepek dan sebagainya. Ketika bulan Ramadan, KOUS mendapat tempahan daripada pelbagai pihak untuk membuat hamper hadiah yang terdiri daripada produk KOUS. Selain itu, KUOS juga terlibat secara aktif dalam ekspo-ekspo usahawan yang diadakan bagi mempromosikan

lagi produk mereka. Hal ini sedikit sebanyak membantu anggota mempergiatkan lagi pengeluaran produk untuk dipasarkan oleh KUOS. Situasi 'menang-menang' sebegini sememangnya ditekankan dalam koperasi untuk kebaikan bersama.

Menurut Encik Muhamad Asyraf lagi, bagi memantapkan kedudukan KUOS pada masa akan datang beberapa perancangan aktiviti perniagaan akan dilaksanakan. Antaranya adalah membuka kedai emas, Ar-Rahnu dan juga pusat latihan dan pembangunan khusus untuk golongan OKU, asnaf, ibu tunggal dan B40. Buat masa ini, memandangkan beliau juga menggalas tanggung jawab sebagai Pengerusi Tetap pembangunan, ekonomi dan koperasi Majlis Belia OKU Malaysia, Encik Muhamad Asyraf sendiri yang memberi khidmat latihan tersebut terutamanya berkenaan keusahawanan kepada golongan OKU dan usahawan lain.

Sememangnya kewujudan KUOS dan lain-lain pertubuhan yang menasarkankan golongan 'masih ada yang sayang' ini amat disokong oleh kerajaan. Ia kerana usaha sebegini memberi peluang pekerjaan dan sumber pendapatan sendiri dengan membantu golongan ini berdikari dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka. Syabas kepada KUOS dan semoga berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi.




Antara produk yang dihasilkan oleh anak-anak istimewa yang turut dipasarkan oleh Koperasi Usahawan MyOKU Selangor Berhad (KUOS).

# Lawatan ke Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor dan Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad

**Nur Yazira Hamsan**  
nuryazira@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Gambar kenangan bersama warga kerja IKMa Zon Selatan dan Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad.



Warga kerja IKMa Zon Selatan mencuba madu kelulut.

**B**ersempena Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) 2022 yang berlangsung di Kluang dan Batu Pahat, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah mengadakan lawatan ke dua buah koperasi di daerah tersebut iaitu Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor (KOPKETA) dan Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad pada 14 dan 16 Mac 2022. Lawatan ini diketuai oleh Pengarah IKMa Zon Selatan iaitu Puan Roziah binti Mohamed bersama lapan orang warga kerja IKMa Zon Selatan. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk beramah mesra dengan koperasi selain dapat meninjau

bagaimana aktiviti perniagaan koperasi dijalankan serta dapat memperkasakan pengetahuan dan pengalaman para Pegawai Latihan IKMa Zon Selatan.

KOPKETA menjalankan pelbagai jenis aktiviti seperti tanaman kelapa sawit, sewaan bangunan komersial dan juga pembangunan perumahan. Pendapatan utama KOPKETA adalah daripada aktiviti perladangan iaitu kelapa sawit. Pada asalnya KOPKETA mempunyai seluas 3000 ekar tanah di daerah Kluang, namun tanah yang tinggal untuk tanaman kelapa sawit adalah seluas 1571 ekar setelah terlibat dengan pembangunan tanah.

Bagi sewaan bangunan komersial, KOPKETA mempunyai bangunan Wisma Kopketa dan sembilan pintu rumah kedai di sekitar bandar Kluang, 14 pintu rumah kedai di Bandar Seri Impian, dua buah bangunan kedai dan pejabat di Impiana Square Bandar Seri Impian dan juga enam buah banglo di sekitar Kluang, Johor. KOPKETA juga terlibat dalam pembangunan hartanah bersama Matrix Concept yang dimulakan dengan keluasan tanah 900 ekar tanah lading dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Lawatan ke KOPKETA disambut mesra oleh Setiausaha koperasi iaitu Tuan Haji Zakaria bin Sharif, Bendahari



Gambar kenangan bersama warga kerja IKMa Zon Selatan dan KOPKETA.



Penyampaian cenderahati daripada Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad.



Sesi Penerangan dan taklimat daripada KOPKETA.

koperasi, Tuan Mejar (B) Haji Zainal Abidin bin Haji Ali, Pengurus Ladang, Encik Hafifi bin Mohd Husain serta barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang lain. Program pada hari tersebut dimulai dengan sesi taklimat ringkas berkaitan program dan aktiviti koperasi oleh Encik Hafifi. Seterusnya warga kerja IKMa Zon Selatan dibawa untuk melihat kawasan ladang kelapa sawit, tapak sewaan bangunan komersial dan juga kawasan pembangunan perumahan.

Sesi lawatan diakhiri dengan perkongsian maklumat program latihan yang dijalankan di IKMa Zon Selatan sepanjang tahun 2022 dan kesudian IKMa Zon Selatan dalam memberikan bantuan perkhidmatan seperti khidmat nasihat, bimbingan dan latihan kepada koperasi sekiranya diperlukan.

Setelah selesai Program MasKop 2022 yang diadakan di Hotel Katerina Batu Pahat pada 16 Mac 2022, warga kerja IKMa Zon Selatan mengambil kesempatan untuk membuat lawatan ke Syarikat Bio Star Resources yang merupakan

rakan strategik ekopelancongan Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad dalam Program Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) dan juga syarikat ini telah memberi khidmat dan bimbingan pemprosesan produk hiliran kreatif koperasi seperti produk sabun rawatan kulit berasaskan madu lebah kelulut campuran daun gelenggang, produk sabun rawatan kulit berasaskan madu lebah kelulut campuran Vitamin A, C dan E, produk sabun rawatan kulit berasaskan madu lebah kelulut campuran kayu manis dan juga pelembap berasaskan daun gelenggang, ekstrak mulberi, madu lebah kelulut dan minyak kelapa dara.

Lawatan ke Koperasi MRSM Batu Pahat disambut mesra oleh Setiausaha koperasi, Ustaz Khairul Hazwan bin Zarkasi, ALK Guru, Puan Hanis Nabila binti Kasmani dan pemilik Syarikat Bio Star Resources, Encik Shamsul Bahri Ahmad. Lawatan tersebut dimulai dengan taklimat ringkas oleh pemilik syarikat berkenaan aktiviti dan produk yang dikeluarkan hasil daripada kerjasama antara syarikat dan juga koperasi.

Warga IKMa Zon Selatan dijamu dengan kuih tradisional Halwa Maskat iaitu pemanis mulut yang memakan masa lama untuk menghasilkannya kerana campurannya perlu disimpan semalaman sebelum dikacau dengan api yang rendah selama lima jam. Kemudian kami dibawa ke kawasan lebah kelulut dan diberi peluang mencuba madu kelulut segar dari sarang lebah. Akhir sekali kami dibawa ke tempat memproses produk sabun dan juga pelembap yang perlu menjalani pelbagai proses sebelum ianya dapat dihasilkan. Sesi lawatan diakhiri dengan penyerahan cenderahati daripada pihak koperasi kepada IKMa Zon Selatan dan sesi bergambar.

Hasil daripada lawatan ke dua-dua buah koperasi ini, pihak IKMa Zon Selatan bukan sahaja dapat merapatkan hubungan silaturahim dengan koperasi malah warga kerja IKMa Zon Selatan dapat melihat serta mempelajari bagaimana operasi sesebuah koperasi, kekangan, peluang serta cabaran yang dihadapi oleh koperasi dengan lebih dekat.



# Lawatan ke Koperasi IMuara Muar Berhad dan Koperasi Komuniti Bukit Katil Melaka Berhad

Siti Nuraini Abu Bakar  
 nuraini@ikma.edu.my  
 Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Bergambar di hadapan IMuara Mart bersama ALK.



Bergambar kenangan bersama ALK Koperasi IMuara.

Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) 2022 pada bulan Februari 2022 telah diadakan di kawasan Muar dan Melaka. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah mengadakan lawatan ke dua buah koperasi di kawasan tersebut iaitu Koperasi IMuara Muar Berhad dan Koperasi Komuniti Bukit Katil Melaka Berhad (KOPKOM) pada 07 dan 27 Februari 2022. Tujuan utama lawatan ini diadakan untuk lebih mengenali koperasi dan aktiviti perniagaan yang diceburi oleh koperasi serta dapat memperkasakan pengetahuan dan pengalaman para Pegawai Latihan

IKMa Zon Selatan. Lawatan ini diketuai oleh Pengarah IKMa Zon Selatan iaitu Puan Roziah binti Mohamed bersama lapan orang warga kerja IKMa Zon Selatan.

Koperasi IMuara ditubuhkan pada November 2014 telah menjalankan fungsi perkhidmatan dan aktiviti pemborongan serta peruncitan barangan keperluan asas iaitu Imuara Mart. Pendapatan utama koperasi adalah daripada aktiviti peruncitan dan pemborongan seperti jualan beras, kuih raya, beg, produk Im-Bites dan jualan telekung.

Program lawatan dimulai dengan sesi taklimat ringkas berkaitan

program oleh IKMa Zon Selatan dan aktiviti koperasi oleh Pengerusi Koperasi, Encik Nik Abdul Aziz bin Nik Abdul Rahman. Seterusnya warga kerja IKMa Zon Selatan dibawa untuk melihat kedai runcit koperasi dan stor- stor penyimpanan stok barangan jualan. Koperasi mempunyai kawasan yang luas dan bersih untuk menjalankan perniagaannya. Warga IKMa Zon Selatan juga berkesempatan membeli barangan jualan koperasi sebagai tanda sokongan kepada koperasi.

Sehari sebelum Program Maskop Negeri Melaka yang diadakan di Hotel Double Tree by Hilton Melaka



Sebahagian daripada ruang stor penyimpanan koperasi.



Perbincangan bersama sebahagian ALK KOPKOM.

pada 28 Februari 2022, warga kerja IKMa Zon Selatan telah mengambil kesempatan untuk mengadakan lawatan ke ladang arnab Koperasi Komuniti Bukit Katil Melaka Berhad yang menjalankan aktiviti ternakan arnab. Koperasi yang telah memulakan operasi sepenuhnya pada bulan September 2021 ini mempunyai Anggota Lembaga Koperasi yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan berpengalaman dalam bidang ternakan. Koperasi ini menjual arnab segar, daging arnab sejuk beku serta arnab perapan mengikut kepada permintaan pelanggan.

Selain itu, koperasi ini mempunyai 95 buah kandang arnab dan mempunyai dua jenis baka arnab pedaging iaitu New Zealand White dan Chinchilla. Baka New Zealand white ini merupakan arnab yang paling sesuai untuk dijadikan arnab pedaging kerana dagingnya agak banyak berbanding arnab lain selain mempunyai ciri-ciri badan berwarna putih dan mata berwarna merah yang cantik. Baka chinchilla pula mempunyai bulu yang gebu dan lebat serta mata berwarna hitam. Kami berpeluang mengambil gambar kenangan bersama arnab-arnab di ladang tersebut.

Sesi lawatan kedua-dua buah koperasi ini diakhiri dengan perkongsian maklumat program latihan yang dijalankan di IKMa Zon Selatan sepanjang tahun 2022 dan kesudian IKMa Zon Selatan dalam memberikan bantuan perkhidmatan seperti khidmat nasihat, bimbingan dan latihan kepada koperasi sekiranya diperlukan. Hasil daripada lawatan ini, pihak IKMa Zon Selatan dapat melihat dua aktiviti koperasi yang berbeza dari segi jenis perniagaan, jenis operasi, peluang dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi. Selain itu, lawatan ini juga dapat membina hubungan yang baik antara IKMa Zon Selatan dan koperasi.



Pengurus ladang arnab KOPKOM memberi taklimat berkaitan aktiviti ternakan arnab koperasi.

# Program

## MiRiCLe bersama Koperasi Desa Cinta KoBuni Inanam Berhad dan Program Cooperative Digital Empowerment C.O.D.E e-Tourism

Shamsiah Syamsudin  
shams@ikma.edu.my  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Demonstrasi Pakaian Tradisi Kadazan-Dusun dari Wakil Rombongan

Bersempena dengan program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) yang diadakan di Kota Kinabalu, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah mengadakan lawatan ke Koperasi Desa Cinta Kobuni Inanam Berhad (KoBuni) pada 18 Mac 2022. Seramai sembilan orang warga kerja IKMa telah

turut serta dalam lawatan tersebut yang diketuai oleh Puan Norbiha bt Kasmuri, Pengarah IKMa Zon Sabah.

KoBuni dipilih kerana ia merupakan salah satu koperasi di bawah program MiRiCLe yang menjalankan aktiviti perkhidmatan pelancongan seperti inap desa, penyewaan kenderaan dan penghasilan kraf tangan tradisional.

Program ini bertujuan untuk memberi taklimat kepada pihak koperasi berkenaan program Cooperative Digital Empowerment C.O.D.E e-Pelancongan yang merupakan salah satu program baharu IKMa yang diterajui oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi.



Rombongan lawatan bersama penari kebudayaan Perkampungan Budaya Mari-Mari.



Kakitangan IKMa bersama barisan ALK KoBuni di hadapan gerbang KoBuni.



Demonstrasi pembuatan aksesori wanita menggunakan manik.



Demonstrasi pembuatan kuih tradisional.



Demonstrasi masakan tradisional oleh anggota koperasi.

Program lawatan daripada pihak IKMa telah disambut dengan tarian Sumazau yang merupakan tarian tradisional masyarakat Kadazan-Dusun. Seterusnya delegasi dibawa melawat ke rumah-rumah anggota yang juga merupakan peserta inap desa untuk merasai sendiri cara hidup masyarakat Kadazan-Dusun. Antara aktiviti di setiap rumah yang diketengahkan adalah seperti masakan tradisional Kadazan-Dusun, pembuatan minuman dan kuih tradisional serta penghasilan kraf tangan seperti aksesori wanita menggunakan manik dan jahitan baju tradisional.

Rombongan lawatan kemudiannya dibawa ke dewan masyarakat untuk diberikan taklimat berkenaan sejarah penubuhan, pengurusan dan pentadbiran, aktiviti perniagaan serta pencapaian koperasi. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Encik Duhanein Sulit, pengerusi KoBuni. Seterusnya Encik Faiz bin Ahmad Yatim, Pegawai Latihan Kanan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah memberikan taklimat berkenaan Program C.O.D.E e-Pelancongan. Puan Norbiha bt Kasmuri turut

dijemput oleh pihak koperasi untuk menyampaikan ucapan aluan dan seterusnya telah diberi penghormatan oleh pihak koperasi untuk menanam anak pokok bunga telang sebagai simbolik lawatan IKMa ke KoBuni. Pihak koperasi turut membawa delegasi ke Pusat Rekreasi Air Terjun Kionsom dan Perkampungan Budaya Mari-Mari yang merupakan rakan strategik KoBuni dan tarikan utama pelancongan datang menginap di KoBuni.

Lawatan tersebut dan pengalaman merasai sendiri aktiviti pelancongan yang ditawarkan oleh pihak koperasi adalah penting sebagai satu kaedah penilaian untuk melihat kesediaan pihak koperasi untuk menyertai Program C.O.D.E e-Tourism sebelum mereka ditawarkan program tersebut. Secara keseluruhannya, lawatan tersebut berjaya mencapai objektifnya apabila pihak koperasi dapat memahami dengan jelas pelaksanaan program C.O.D.E dan berminat untuk menyertai program tersebut. Pihak IKMa Zon Sabah turut mengambil peluang memberi khidmat nasihat terhadap pengurusan dan pentadbiran serta aktiviti perniagaan koperasi.



# Program Pensijilan (Graduan ke Koperasi) Kerjasama IKMa dan Universiti Putra Malaysia

Norsyeirawani Shari

norsyeirawani@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Cawangan Kuala Terengganu



**P**rogram Pensijilan (Graduan Ke Koperasi - G2K), kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan projek perintis bagi program yang melibatkan IKMa dengan pusat pengajian tinggi awam.

Program kerjasama ini seiring dengan Pelan Transformasi Koperasi (TransKoM) dalam melahirkan modal insan yang produktif dan berilmu dengan menarik minat golongan muda (pelajar IPT) sebagai tenaga kerja dan pelapis kepada Gerakan Koperasi Malaysia. Suntikan golongan profesional muda diperlukan bagi memenuhi keperluan pembangunan profesionalisme dalam pengurusan

gerakan koperasi yang menjadi agen perubahan dalam memperkasa pentadbiran dan perniagaan koperasi.

Program perintis kerjasama ini melibatkan 24 orang pelajar tahun akhir daripada Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Para pelajar diberi pendedahan mengenai keusahawanan koperasi dan bagaimana konsep berkoperasi mampu mencipta peluang pekerjaan yang bersesuaian minat dan kemahiran mereka. Pelajar yang mengikuti program ini perlu menghadiri dua kursus prasyarat program iaitu Sijil Pengurusan Koperasi yang telah diadakan pada 6-10 Disember 2021 dan Sijil Pemasaran Digital telah diadakan

pada 21-25 Februari 2022 sebagai persediaan pelajar sebelum menjalani latihan industri di koperasi-koperasi besar terpilih sekitar Lembah Klang bagi mengaplikasikan ilmu dan kemahiran berkaitan pengurusan dan pentadbiran koperasi secara *hands on*.

Setelah tamat menghadiri kursus yang dianjurkan oleh IKMa, pelajar-pelajar ini diraikan dalam majlis Perasmian Penutup Program Pensijilan (Graduan ke koperasi-G2K) pada 25 Februari 2022 yang diadakan di Auditorium Abdul Majid, IKMa. 10 buah koperasi besar yang telah menerima pelajar-pelajar ini bagi penempatan latihan industri juga turut hadir bagi menerima sijil penghargaan daripada IKMa atas jaringan kerjasama yang diberikan.

# GALERI



23 Jun 2022

IKMa melebarkan jaringan kolaborasi bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memartabatkan koperasi Malaysia di kalangan penuntut - penuntut universiti di Malaysia.



20 Jun 2022

YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa menghadiri Persidangan Koperasi Antarabangsa (ICA) dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Spain bertempat di Silkin Andalus Hotel.



4 Jun 2022

Sesi wawancara radio di Terengganu FM bagi mempromosikan peranan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sebagai satu-satunya pusat latihan dan bimbingan koperasi dan usahawan di Malaysia yang disampaikan oleh YBrs. Pn. Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan dan YBrs. Pn. Hasinda binti Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur.



28 April 2022

Program KPT Prihatin Keluarga Malaysia Edisi Keusahawanan telah disempurnakan oleh YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi bertempat di Weil Hotel, Ipoh Perak.



26 Mei 2022

Jalinan kerjasama IKMa dan Universiti Malaysia Kelantan bagi mengukuhkan program pendidikan Keusahawanan. Kerjasama IKMa - UMK - UKKM akan menumpukan kepada Penyelidikan dan Program Pasca Siswazah.



15 April 2022

Seperti kebiasaan setiap kali bulan Ramadan, seluruh warga kerja IKMa akan bergotong-royong menyediakan juadah bubur lambuk untuk diedarkan kepada seluruh komuniti sekitar Petaling Jaya.



11 Januari 2022

CSR di Kg. Gantuk, Temerloh Pahang.



IKMa turut serta menyertai pameran sempena sambutan Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Johor.



17 Januari 2022

Misi CSR Pasca Banjir IKMa dengan penglibatan daripada pihak ANGKASA di Segamat Johor.



9 Mac 2022

Skuad Sukarelawan IKMa dan ANGKASA menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mangsa banjir di sekitar Kampung Kemat, Hulu Terengganu.



**PEMAKLUMAN**

**PENUKARAN AKRONIM  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

**IKM**

*Kini Dikenali Sebagai*

**IKMa**